

Jilid III
Bil. 52



Hari Selasa
28hb November, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran—

Y.B. Datuk Seri Sanusi bin Junid (Jerlun Langkawi) [Ruangan 9249]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 9249]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.18 [Ruangan 9306]

Maksud B.19 [Ruangan 9340]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa—

Maksud P.18 [Ruangan 9306]

Maksud P.19 [Ruangan 9340]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAL, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasar Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OLIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOMANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 28hb November, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi bin Junid, Ahli Parlimen bagi Kawasan Jerlun Langkawi dari 6hb Disember hingga 15hb Disember, 1989.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KILANG DI MALAYSIA—
PENUBUHAN

1. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan permohonan dari negara asing untuk menubuhkan kilang-kilang di Malaysia sehingga masa kini yang telah diluluskan oleh MIDA;

(b) dari negara manakah yang paling ramai datang melabur di Malaysia; beri angka-angka dari negara berkenaan; dan

(c) bilangan kilang-kilang yang telah didirikan di tiap-tiap negeri dalam Malaysia serta jumlah wang yang telah dilabur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K. S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1980 sehingga Oktober, 1989, sejumlah 3,367 permohonan dengan penyertaan negara asing telah diterima untuk menubuhkan projek perkilangan dengan jumlah modal pelaburan asing sebanyak \$29,858.4 juta. Manakala bagi tempoh tahun 1980 hingga Oktober, 1989, sejumlah 3,158 projek perkilangan dengan penyertaan negara asing telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jumlah modal pelaburan asing dalam projek-projek tersebut adalah bernilai \$22,106.5 juta.

Daripada jumlah modal pelaburan asing sebanyak \$22,106.5 juta yang telah diluluskan bagi tempoh tahun 1980 hingga Oktober, 1989, sumber pelaburan asing yang terbesar sekali adalah dari negara Jepun \$5,658.5 juta. Ini diikuti dengan negara Taiwan \$3,031.2 juta, Singapura \$2,193.9 juta, Amerika Syarikat \$1,655.2 juta, United Kingdom \$1,548.8 juta, Netherlands \$1,002.2 juta, Hong Kong \$935.6 juta, Perancis \$667.1 juta dan Jerman Barat \$658.2 juta.

Berdasar kepada kajian yang dijalankan oleh pihak MIDA ke atas projek perkilangan yang diluluskan dan beroperasi seperti pada 31-12-88 (Perangkaan awal),

sejumlah 1,473 syarikat dengan penyertaan negara asing telah beroperasi dengan modal pelaburan asing sebanyak \$8,968.5 juta. Pecahan modal pelaburan asing mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Projek</i>	<i>Modal Pelaburan Asing (\$ juta)</i>
Wilayah Persekutuan, K.L.	99	415.1
Selangor	433	3,021.7
Pulau Pinang	222	884.6
Perak	98	658.2
Johor	321	969.8
Negeri Sembilan	45	303.9
Melaka	47	119.9
Kedah	54	329.9
Pahang	37	44.3
Kelantan	17	11.0
Terengganu	15	561.2
Perlis	5	45.8
Sabah	32	62.7
Sarawak	48	1,540.4
Jumlah	1,473	8,968.5

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, daripada keterangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menampakkan ada "disparity", dengan izin, di negeri-negeri apabila kilang-kilang didirikan oleh pelabur-pelabur asing. Saya ingin mendapat penjelasan apakah polisi yang sebenarnya yang diamalkan oleh Kerajaan. Apakah ianya membiarkan pelabur-pelabur itu memilih negeri mana yang mereka mahu dirikan kilang ataupun ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Yang kedua, dikatakan bahawa Pantai Timur itu atau lebih khusus lagi negeri Terengganu dianggap sebagai "mini corridor" dan ianya ditetapkan dan dikhususkan sebagai tempat bagi mendirikan kilang-kilang yang berasaskan petroleum. Tetapi ada kes-kes di mana walaupun kilang-kilang yang didirikan itu berasaskan petroleum, tetapi tidak ditetapkan di negeri Terengganu misalnya. Apakah sebenarnya polisi atau menyebut sebagai mini corridor yang berasaskan kepada petroleum itu hanya sebagai satu sebutan "lip service", dengan izin, sahaja.

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan pertama, polisi Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber-sumber pelaburan daripada beberapa negara-negara asing ini kerana Kerajaan tidak mahu pelaburan di negara kita bergantung kepada sesuatu negara asing. Walau bagaimanapun, kadangkala kita tidak boleh dapat pelaburan daripada beberapa negara, khususnya daripada negara yang tidak ada modal, tidak ada kepakaran di dalam bidang teknikal ataupun di dalam bidang pengurusan atau tidak ada pasaran yang mencukupi untuk melabur di negeri ini. Bagi soalan kedua . . .

Tuan Zubir bin Embong: Saya tanya di negeri-negeri itu tidak ada keseimbangan, misal kata di Negeri Selangor—berpuluh-puluh, Negeri Kelantan—11 sahaja. Kenapa, apakah itu polisi Kerajaan? Saya tidak tanya luar negeri. Jawab soalan saya, jangan jawab lain daripada soalan saya.

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soal kedua itu, Kerajaan mengambil beberapa langkah untuk membantu negeri-negeri kurang maju, kurang berjaya seperti Kelantan atau Terengganu, menarik pelaburan dari luar negeri. Saya nafikan tuduhan Yang Berhormat tadi ini "lip service" sahaja, dengan izin. Dalam misi-missi galakan pelaburan ke luar negeri, Kementerian memperkenalkan bakal-bakal pelabur dan akan memberikan kepadanya potensi di negeri Kelantan atau negeri yang kurang maju dan menarik mereka kepada setiap negeri. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya nafikan tuduhan itu. Kerajaan di samping itu memastikan ada keseimbangan pembangunan perindustrian. Oleh itu, galakan cukai dalam bentuk pengurangan pendapatan atas kadar 5% diberi kepada industri-industri yang terletak di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Selain dari insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan mempercepatkan usaha-usaha Kerajaan Negeri dan memberitahu dia harus menjalankan menarik pelaburan yang lebih agresif dan menyediakan insentif-insentif tambahan di Kerajaan-kerajaan Negeri itu. Tuan Yang

di-Pertua, itulah jawapan saya kepada dua aspek soalan itu.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan satu perkara yang begini iaitu pelabur-pelabur dari luar negeri yang ingin menanam modal di negara kita melalui satu cara iaitu melalui cara "guarantee", dengan izin, iaitu Bank di negara asal mereka mengeluarkan satu bentuk "guarantee" iaitu melalui sebagai "standby LC", dengan izin. Dan melalui "standby LC" itu, Bank di negara kita mengeluarkan duit kepada pelabur ini untuk melabur di negara kita iaitu secara ringkas tidak sebenarnya membawa wang dari negara asal mereka tetapi hanya menggunakan sumber kewangan negara kita. Melalui cara ini pelabur-pelabur tempatan dinafikan suatu peluang untuk menggunakan sumber kewangan tempatan. Adakah ini benar, terutama kepada pelabur-pelabur Jepun? Kalau benar, apakah langkah yang Kerajaan akan mengambil untuk mengatasi masalah ini?

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab secara bertulis selepas mendapat penerangan daripada pegawai saya di Kementerian.

RUMAH ORANG TUA—JUMLAH

2. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan rumah orang tua dan lokasi-lokasinya bagi tahun 1987 hingga sekarang;
- (b) bilangan pusat pemulihan bagi kanak-kanak cacat atau terencat akal dan lokasi-lokasinya; dan
- (c) jumlah peruntukan yang disediakan kepada rumah-rumah orang tua dan pusat pemulihan kanak-kanak setiap tahun dari tahun 1980 hingga 1989.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin

Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan daripada Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Kebajikan Masyarakat mentadbirkan sebanyak 8 buah rumah orang tua dan lokasi-lokasinya ialah seperti berikut—
 - (i) Rumah Seri Kenangan, Bedong, Kedah;
 - (ii) Rumah Seri Kenangan, Taiping, Perak;
 - (iii) Rumah Seri Kenangan, Tanjung Rambutan, Perak;
 - (iv) Rumah Seri Kenangan, Seremban, Negeri Sembilan;
 - (v) Rumah Seri Kenangan, Cheng, Melaka;
 - (vi) Rumah Seri Kenangan, Johor Bahru, Johor;
 - (vii) Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin, Kelantan; dan
 - (viii) Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor.
- (b) Kementerian Kebajikan Masyarakat mentadbirkan sebanyak 5 buah institusi bagi kanak-kanak cacat atau terencat akal dan lokasi-lokasinya ialah seperti berikut—
 - (i) Taman Sinar Harapan, Kuala Kubu Bharu, Selangor;
 - (ii) Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah, Seremban, Negeri Sembilan;
 - (iii) Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Bahru, Johor;
 - (iv) Taman Sinar Harapan Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu;
 - (v) Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor.
- (c) Jumlah peruntukan yang disediakan kepada rumah-rumah orang tua dari tahun 1980 hingga 1989 adalah sebanyak \$47,987,675.

Manakala jumlah peruntukan

yang disediakan kepada rumah kanak-kanak dari tahun 1980 hingga 1989 adalah sebanyak \$20,717,385.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi satu penjelasan bahawa bilangan yang disebutkan tadi hanya terdapat 8 lokasi bagi rumah orang tua. Adakah lokasi termasuk "Old Folks Home" ataupun rumah untuk orang-orang tua? Kalau termasuk, mengapa begitu kurang. Nampaknya lebih lagi, jawapan itu tidak begitu tepat.

Dan yang kedua, saya ingin tahu apakah langkah akan diambil oleh Kementerian-nya untuk menolong orang-orang tua itu yang tidak layak memasuki rumah-rumah orang tua itu. Dan bolehkah Kerajaan akan melonggarkan syarat-syarat untuk menerima mereka yang tidak dijaga oleh anak-anak dan cucu-cucu mereka. Yang pertama . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat. Sudah tiga soalan.

Tuan Lak Dak Kee: Sudah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah.

Tuan Lak Dak Kee: Terima kasih (*Ketawa*).

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab dua soalan itu, sebenarnya di dalam negara kita adalah dua jenis rumah orang tua. Satu jenis ialah rumah orang tua yang ditadbir oleh Kementerian saya di mana ada 8 buah di seluruh negara. Tetapi rumah orang tua yang ditadbir oleh badan sukarela ini adalah banyak di dalam berbagai negeri di seluruh negara kita.

Untuk menjawab soalan kedua, untuk membantu orang tua yang miskin Kementerian saya terdapat berbagai jenis bantuan untuk menolong mereka seperti bantuan am yang diberikan setiap bulan kepada mereka yang miskin tetapi tidak layak memasuki ke institusi-institusi yang sedia

ada dan lain-lain bantuan seperti menolong keluarga mereka yang ada untuk menjaga orang tua itu di mana bantuan juga diberi kepada keluarga itu.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar orang tua-tua yang ditempatkan di rumah orang tua-tua itu ada di antara mereka lari keluar dan meminta sedekah di dalam bandar-bandar kerana mereka bosan tinggal di rumah orang tua-tua itu, itu soalan pertama.

Soalan kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan sebuah asrama dalam bentuk dan konsep yang baru di mana berhampiran dengan asrama itu didirikan kilang-kilang kecil perusahaan tangan untuk memberi peluang kepada orang-orang tua ini menjalankan pekerjaan dan menghabiskan masa tua mereka dengan menjalankan kerja-kerja dan kegiatan-kegiatan tadi supaya mereka tidak merasa bosan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan pertama ialah Kementerian saya memang mengambil perhatian tentang masalah pengemis di seluruh negara kita di mana jika kita dapat seseorang yang menjadi pengemis itu kita cuba menghantarkan orang itu ke institusi yang sedia ada iaitu satu institusi di Mersing bernama Desa Bina Diri di mana kita cuba memberikan pemulihan dan lain-lain pertolongan supaya pengemis itu dapat diberi penjagaan dan juga apa yang kita dapat memberikan supaya mereka dapat suatu hari nanti dikeluarkan dari institusi itu dan mereka dapat mencari rezeki sendiri.

Untuk menjawab soalan kedua, Kementerian tidak bercadang untuk mendirikan satu asrama untuk orang tua kerana buat masa sekarang kita terdapat 8 buah institusi rumah orang tua di mana kita cuba di dalam institusi tersebut memberikan rawatan serta pemulihan dan lain-lain jenis pertolongan supaya orang tua ini dapat menggunakan masanya dengan sepenuhnya supaya orang tua itu sedikit-sebanyak dalam masanya di

institusi membuat "handicraft" dan lain-lain.

TELEFON AWAM LUAR BANDAR

3. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa banyak pondok telefon bagi penduduk luar bandar yang dapat diadakan bagi tahun ini dan tahun hadapan bagi negeri Kedah dan daerah Yan; dan
- (b) mengapa tindakan tidak diambil oleh Syarikat Telekom Malaysia bagi memperbaiki kerosakan telefon di pondok-pondok telefon di luar bandar yang memakan masa berbulan-bulan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 55 buah telefon awam luar bandar telah diluluskan untuk di pasang di negeri Kedah bagi tahun 1989 dengan anggaran belanja sebanyak \$517,000.00. Lima buah dari jumlah tersebut adalah untuk daerah Yan dengan anggaran belanja sebanyak \$59,700.00. Untuk makluman Yang Berhormat, daerah Yan pada masa ini telah pun mempunyai 17 buah pondok telefon awam.

Pihak Syarikat Telekom Malaysia Berhad, setelah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Pembangunan Negeri Kedah telah mengenalpasti 130 tempat di negeri Kedah untuk projek telefon awam luar bandar bagi tahun 1990 dengan anggaran kos sebanyak \$685,000.00. Empat tempat berada dalam daerah Yan dan kos terlibat adalah \$16,700.00.

Bagi menjawab soalan (b), adalah tidak tepat untuk mendakwa secara umum bahawa pihak STM tidak mengambil apa-apa tindakan untuk membaikpulih kerosakan pondok telefon awam luar bandar. Pihak STM sentiasa membuat pemeriksaan kepada semua pondok telefon awam dan

membaikpulih sebarang kerosakan yang dijumpai serta merta.

Adalah tidak dinafikan bahawa memang ada kejadian di mana kerosakan memakan masa beberapa ketika untuk dibaikpulih. Tetapi ini tidaklah menyeluruh dan kes-kes seumpama berlaku apabila telefon awam berkenaan dirosaki dengan teruk akibat perbuatan nakal orang-orang yang tidak bertanggungjawab, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, vandalism.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kaitan pembekalan telefon kepada masyarakat luar bandar, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri apa kaitan dan penyelarasan dibuat di antara Syarikat Telekom Malaysia (STM) dengan Binafon kerana saya difahamkan pertamanya dari segi pemasangan. Bila kita menghubungi STM di peringkat daerah atau di Kelantan jajahan masing-masing katanya kita diminta menghubungi Binafon. Kemudian ada pula yang mengatakan kita diminta menghubungi STM.

Kedua, kaitan Binafon dengan STM dalam soal panggilan. Saya difahamkan bahawa telefon yang dipasang oleh Binafon hanya boleh panggil keluar sahaja, masuk tidak boleh. Jadi ini menjadi masalah, hanya keluar kerana kepentingan pungutan duit syiling yang digunakan oleh masyarakat luar bandar. Kadang-kadang kita perlu menghubungi telefon dipasang oleh Binafon di tempat-tempat tertentu. Jadi, kalau boleh bagaimana penyelarasan boleh dibuat untuk panggilan keluar dan masuk?

Ketiga, dalam konteks Binafon dan STM ialah soal kerosakan yang telah ditimbulkan dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri memang berlaku banyak kerosakan dan memang lama. Saya boleh tunjuk contoh di FELDA Kemahang II kerosakan begitu lama, bertahun-tahun perkara ini tidak diperbaiki.

Soalan tambahan kedua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sejauhmana matlamat pembekalan telefon luar bandar seperti pernah saya ter-baca kalau tidak silap dalam satu kenyataan

akhbar Yang Berhormat Menteri sebaik sahaja menjawat jawatan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos iaitu keseluruhan penduduk luar bandar akan diberi perkhidmatan telefon.

Ketiga, soal kerosakan—orang-orang nakal ini, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang mungkin dibuat sama ada memberi kursus atau kerjasama dengan mana-mana pihak untuk mengelakkan ataupun mengurangkan kerosakan oleh perbuatan orang-orang nakal ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sistem telefon pada masa sekarang ialah dijalankan oleh dua pihak. Pihak STM bertanggungjawab untuk telefon-telefon luar bandar di seluruh Semenanjung Malaysia, dan BINA FON sedang dijalankan oleh satu syarikat iaitu mereka bertanggungjawab telefon-telefon awam di bandar-bandar besar sahaja. Mereka tidak ada kuasa atau tidak ada hak untuk mengadakan telefon di kawasan luar bandar. Jikalau saya minta mereka untuk mengadakan telefon-telefon di kawasan luar bandar pun mereka tidak mahu oleh kerana telefon-telefon di kawasan luar bandar tidak boleh memberi apa-apa hasil. Oleh kerana itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh penggunaan telefon dari kawasan bandar itu akan ditanggungjawab oleh STM. STM sedang menjalankan beberapa siasatan untuk mengadakan lebih telefon di kawasan-kawasan luar bandar.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan aduan telah dibuat berkenaan dengan kerosakan telefon di FELDA itu, jikalau telefon itu ada di satu kawasan pendalaman, saya percaya penduduk-penduduk dan pengguna-pengguna ini mesti lapor kepada STM untuk menjaga telefon itu. Saya percaya jika ada juga laporan-laporan tersebut, jikalau tidak ada tindakan di dalam satu tempoh yang ditetapkan, kita boleh juga ambil tindakan atas pegawai-pegawai yang menjaga kawasan itu.

Yang ketiga, berkenaan dengan satu rancangan terbesar untuk mengadakan pembekalan telefon kepada luar bandar, iaitu

\$10 juta, saya telah minta peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk memberi \$10 juta itu. Saya minta STM untuk menambah \$10 juta daripada faedah mereka atau keuntungan mereka terima daripada telefon telekomunikasi ini. Jadi, tiap-tiap tahun kita boleh juga membelanjakan lebih kurang \$20 juta yang mana kita boleh mengadakan lebih kurang 2,000 telefon di seluruh tanahair kita. Jadi, rancangan ini adalah dalam perbincangan di antara STM, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam ingatan saya, pada tahun sudah juga saya telah maklum bahawa kerosakan telefon ini, STM yang baru sahaja diswastakan tidak pun mengambil sebarang tindakan untuk membaiki. Sebab yang demikianlah saya mencadangkan supaya STM ditarik balik daripada menjadi sebuah syarikat swasta. Saya nampak dengan jawapan Yang Berhormat Menteri, lagi sekali untuk menimbulkan kemarahan rakyat di kampung-kampung kerana bukan sahaja setahun lebih yang tidak diperbaiki, malahan lebih banyak lagi kerosakan ini berlaku kepada pondok-pondok telefon di luar bandar, bukan kerana kenakalan rakyat di luar bandar yang merosakkan pondok-pondok telefon. Tetapi alasan yang diberikan oleh STM ialah kelengkapan tidak ada dan belum sampai. Berapa lamakah rakyat hendak tunggu ini? Oleh yang demikian, saya rasa jikalau dengan cadangan baru hendak membina lebih banyak pondok telefon, lebih baik uruskan yang sedia itu diperbaiki terlebih dahulu. Sekian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya ucap syabas (*Ketawa*) atas cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi saya suka menjelaskan sedikit, menarik balik STM sebagai satu jabatan telekom di dalam Kerajaan, saya percaya ini boleh merosakkan sistem telekomunikasi di dalam tanahair ini lebih daripada apa yang kita punyai sekarang. (*Ketawa*)

STM ialah satu syarikat baru sahaja dua tahun atau dua tahun setengah kita tubuhkan syarikat itu. Banyak di antara masalah-masalah itu belum dapat diselesaikan. Jikalau ada juga masalah yang mana Yang Berhormat boleh juga melapor kepada saya telefon yang tidak dapat diperbaiki dalam tempoh satu tahun ini, itu satu kes yang saya suka. (*Ketawa*) Berilah saya contoh, mana? Saya janji sebelum kita selesaikan masalah dalam Dewan ini, saya ambil tindakan atas pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Saya janji kepada Yang Berhormat, tetapi secara umum kita bagi juga beberapa aduan. Saya percaya dalam generasi moden ini kita tidak boleh bincang perkara-perkara secara umum. Saya mahu spesifik, mana tempat, bila, bila kita laporkan, adakah tindakan, apakah surat, apa jawapan? Jikalau jawapan itu daripada STM tidak bertanggungjawab, saya boleh menyeru kepada mereka untuk bertanggungjawab. Inilah jawapan daripada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka juga memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, saya ada dalam Kementerian iaitu dalam tempoh enam bulan sahaja. Saya percaya kita tidak boleh membaiki mana-mana satu jabatan dalam tempoh enam bulan. Tetapi adalah juga masalah-masalah boleh menulis kepada saya, saya janji kita boleh ambil tindakan. Siapa-siapa menulis surat memberi aduan, saya ambil tindakan. Tetapi seperti apa dikatakan oleh satu lagi Ahli Yang Berhormat tadi mahukan kita beri satu kursus kepada vandalist yang merosakkan telefon itu, itu susahlah. Di kampung-kampung pun ada juga masalah. Kita beri telefon-saya ada juga di kawasan saya sendiri pasang telefon hari Selasa, telefon itu sudah mati hari Ahad. (*Ketawa*) Alat pun tak ada, telefon pun tak ada, pondok pun tak ada. (*Ketawa*) Saya nampak dua tiang sahaja. Itulah masalah kebudayaan. Saya percaya jikalau kita suka juga menukar kebudayaan seperti itu, saya kira lagi 10 tahun kita beri ajaran kepada mereka pun, masalah ini tidak boleh selesai. Saya percaya masa depan kita akan memasang satu telefon, jikalau siapa-siapa menggunakan salah itu, dia hantam sama

dia sendiri. (*Ketawa*) Macam itu saya ingat boleh selesai.

TEKSI—KAPASITI ENJIN

4. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab mengapa Kementerianya menetapkan kapasiti enjin minima sebanyak 1490 c.c. bagi teksi-teksi dan perkhidmatan limousin 2000 c.c. dan adakah Menteri berkenaan sedar keputusan baru ini yang akan berkuatkuasa awal tahun depan akan menjejaskan dan menyebabkan kesusahan kepada pengusaha-pengusaha/pemilik-pemilik teksi kini serta memaksa mereka yang menggunakan kereta negara model Proton Saga 1.3 meninggalkan perniagaan atau menyebabkan mereka berhutang lagi dan menjejaskan penjualan kereta Proton Saga.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini bersama soalan Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yaakob pada 3hb November. Saya tidak bercadang untuk menjawab atau menambah lagi.

KLINIK PERSENDIRIAN—IKLAN

5. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab klinik-klinik persendirian tidak dibenarkan mengiklankan kepakaran mereka dalam media massa tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, klinik-klinik persendirian tidak dibenarkan mengiklan kepakaran mereka oleh kerana ini bertentangan dengan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 yang melarang pengamal-pengamal perubatan dari mengiklankan perkhidmatan atau kemahiran mereka. Di samping itu, amalan tersebut juga bertentangan dengan etika profesion perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 6 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).

DOKTOR DI SABAH

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan dari sejumlah 40 orang doktor yang diperuntukkan bagi negeri Sabah, berapa orangkah daripada mereka sudah dihantar untuk berkhidmat di Sabah. Berapakah jumlah doktor yang masih kurang bagi negeri Sabah dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan menempatkan seramai 21 orang pegawai perubatan untuk berkhidmat di negeri Sabah dalam bulan Ogos tahun ini. Seramai 12 orang lagi yang akan tamat menjalani tempoh latihan siswazah pada akhir tahun ini akan juga ditempatkan di sana.

Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengisi kekosongan jawatan pegawai perubatan yang masih ada dengan calon-calon yang berkelayakan sama ada secara tetap atau kontrak.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masih lagi kita dapat kekurangan doktor di negeri Sabah ini masih berlaku, penyakit-penyakit di luar bandar masih mempunyai ratio yang tinggi seperti penyakit taun dan penyakit malaria, adakah Kementerian Kesihatan berpuas hati dengan prestasi doktor-doktor yang ada pada masa ini? Dan saya juga ingin tahu nisbah-nisbah doktor berbanding dengan penduduk-penduduk yang ada di negeri Sabah pada masa kini.

Soalan kedua, doktor-doktor gigi sangat diperlukan, maka saya ingin tahu berapakah bilangan doktor gigi yang telah dihantar ke negeri Sabah dan berapakah

jumlah doktor gigi yang ada pada masa kini?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih atas soalan dari sahabat saya dari Kimanis. Untuk menjawab soalan yang pertama iaitu doktor-doktor yang berkhidmat di luar bandar. Jawapannya pihak Kementerian kita berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh doktor-doktor di luar bandar di Sabah. Akan tetapi kita lebih mengambil berat perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis mengenai penyakit-penyakit seperti malaria dan taun. Dan kita akan berusaha khususnya dalam Kementerian saya untuk menambatkan bilangan doktor-doktor untuk ditempatkan di kawasan luar bandar. Umpamanya, pada tahun yang akan datang, kita akan menempatkan sebanyak 50-80 doktor yang baru ke negeri Sabah.

Untuk menjawab soalan yang kedua, mengenai nisbah doktor-doktor di Sabah berbanding dengan jumlah penduduk, sukalah saya menyatakan di sini bahawa kita menggunakan satu formula iaitu "berapa" doktor untuk setiap 10,000 penduduk, tetapi sekarang saya tidak ada nisbah itu khusus untuk Sabah, tetapi saya ada nisbah negeri-negeri atau untuk tanahair kita keseluruhannya, nisbah doktor kepada penduduk pada tahun 1987 adalah 3.5:10,000 penduduk. Ini menunjukkan satu pertambahan yang baik kalau kita bandingkan dengan tahun 1980 di mana nisbahnya ialah 2.6:10,000 penduduk.

Untuk menjawab soalan ketiga iaitu bilangan dentist, doktor-doktor gigi yang ditempatkan di Sabah, saya minta maaf kerana tidak ada perangkaannya pada saya pada hari ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Kimanis berminat lagi dalam perkara ini, saya akan kemukakan maklumat yang lebih terperinci kepada beliau. Terima kasih.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selepas mendengar jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang nisbah doktor: penduduk, saya ingat angka-angka itu tidak begitu tepat sekarang iaitu

dengan bertambahnya pendatang-pendatang haram dari Filipina ke Sabah dan pada masa sekarang mereka menggunakan perkhidmatan kesihatan di negeri Sabah, oleh sebab banyaknya pendatang haram ini melawat ke Hospital Besar Kota Kinabalu dan sehinggakan anak tempatan tidak dapat peluang untuk mendapat rawatan daripada doktor dan doktor-doktor yang sedia ada sekarang tidak cukup untuk menjaga kesihatan rakyat yang datang untuk meminta perkhidmatan itu.

Jadi, saya ingin mendapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah langkah yang akan diambil sekiranya ditambah lagi dua kali ganda doktor di negeri Sabah tidak cukup untuk merawat pesakit-pesakit itu, maka apakah langkah yang akan diambil?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, tadi nisbah yang saya telah keluarkan adalah nisbah yang bergantung kepada statistik rasmi Kerajaan.

Mengenai masalah pendatang haram, Kementerian saya sedar mengenai perkara itu dan kita akan ambil berat dalam perkara ini untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di negeri Sabah.

Mengenai bilangan doktor yang tidak cukup, ini adalah suatu perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini yang berulang-ulang kali dan kita telah jawab banyak kali bahawa kita telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan doktor, bukan sahaja untuk Sabah tetapi untuk seluruh negara kita.

Antara langkah-langkah yang diambil, kalau kita pandang kepada pengalaman kita ke belakang ini, kita akan menambahkan tempat-tempat di universiti-universiti tempatan. Pada tahun ini kita ada sebanyak 330 penuntut di bidang perubatan yang belajar di universiti-universiti tempatan kita iaitu tiga buah universiti, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia—ketiga-tiga universiti tempatan.

Dan kita ada 120 penuntut perubatan di luar negeri. Dengan itu kita ada sebanyak 450 penuntut perubatan pada tahun ini sahaja.

Langkah-langkah yang diambil untuk jangka masa pendek ialah mengambil doktor-doktor kontrak dari luar negeri seperti dari Burma, dari India, dari Pakistan dan lain-lain dan kita memang ada 16 orang doktor kontrak yang ditempatkan di negeri Sabah.

Kita juga ada mengambil langkah-langkah lain seperti menaikkan taraf Skim Perkhidmatan Doktor-doktor untuk menggalakkan mereka supaya berterusan di dalam perkhidmatan Kerajaan. Itulah sahaja beberapa langkah yang saya ingin mengemukakan kepada Dewan pada hari ini.

PROJEK TEBATAN BANJIR DI SEREMBAN

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau akan mengotakan janji yang dibuat oleh bekas Presiden MCA, Dato' Lee San Choon, dalam tahun 1982 bahawa kira-kira \$13 juta akan diperuntukkan kepada Seremban untuk mengatasi masalah banjir di bandar tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah \$14.75 melalui projek tebatan banjir bandar Seremban untuk mengatasi masalah banjir di bandar Seremban tersebut.

Setakat ini sebanyak \$8.1 juta telah dibelanjakan untuk mendalam dan membesarkan Sungai Temiang termasuk membina semula struktur-struktur yang berkenaan dan kuala sungainya di Sungai Linggi sehingga ke Gold Supermarket di pusat bandar sepanjang lebih kurang 2,756 meter.

Kerja-kerja ini sedang dijalankan melalui 3 buah kontrak di mana satu kontrak

untuk pembinaan jambatan Keretapi Tanah Melayu telahpun siap.

Tuan Ong Tee Keat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi dan saya hendak tahu apakah sumbangan atau setakat mana penyertaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban dalam semua usaha tersebut?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan yang di-Pertua, saya nampak sumbangannya boleh dikatakan tak ada.

Dr Chen Man Hin: Jikalau Timbalan Menteri berkenaan pernah pergi ke Seremban melawat tempat itu, beliau boleh nampak keadaan banjir sekarang, sungguhpun Kerajaan telah membelanjakan \$14.75 juta, tetapi saya rasa keadaan di sana lebih teruk lagi. Apakah sebabnya? Barangkali wang itu dibelanjakan di lain tempat, jadi tindakan itu saya percaya langsung tidak ada kesan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kesannya memang banyak sekali. Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya memahami keadaan dan kenyataan yang sebenar.

Kita terpaksa menjalankan projek ini berasaskan 3 pekej. Pekej yang pertama, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu sedar iaitu membina saluran Sungai Temiang dari Kuala Sungai Linggi sehingga Jalan Rasah. Dan kita juga, dalam pekej yang kedua, membina jambatan keretapi dan binaan ini sudah siap. Apa yang belum siap lagi ialah pengalihan rel keretapi.

Yang ketiga, pekej yang ketiga kita membina saluran Sungai Temiang dari Jalan Rasah sehingga Jalan Lintang ataupun sehingga Gold Supermarket.

Jadi pekej yang pertama dan kedua pada masa ini berada di peringkat, saya harap Ahli Yang Berhormat sedar iaitu yang pertama di peringkat 74% sebagai kemajuan fizikal dan yang ketiga di peringkat 78% sebagai kemajuan fizikalnya.

Ahli Yang Berhormat patut sedar bahawa untuk menjalankan tugas yang begini teruk di mana kita dapati ianya melibatkan pemindahan penghuni setinggian daripada rezab Sungai Temiang, pembinaan ground anchor, dengan izin, masalah teknikal yang dihadapi kerana tanah keras di Bukit Rasah, pengalihan landasan Keretapi Tanah Melayu, kegagalan pemborong pertama dan juga pengalihan paip air Jabatan Bekalan Air, pemindahan beberapa gerai yang memasuki rezab Sungai Temiang, pemindahan kabel-kabel LLN dan Telekom, masalah teknikal yang dihadapi di Sungai Temiang berhampiran dengan Jalan Lemon kerana Tanah terlampau lembut. Semua ini merupakan masalah-masalah yang kita hadapi dan walau bagaimana sekalipun, kita dapat menyelesaikannya sehingga boleh dikatakan kejayaannya mengatasi 50%.

Dan saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, dengan selesainya fasa pertama yang saya sebutkan tadi, maka adalah dijangka bahawa sebahagian besar dari masalah banjir di pusat bandar Seremban itu akan dapat diatasi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir).

PELAJARAN KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH

10. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah pelajaran komputer diamalkan di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan ialah agar pendidikan komputer secara formal diperkenalkan hanya di Sekolah-sekolah Menengah. Walau bagaimanapun, oleh kerana bukan semua sekolah-sekolah Menengah disediakan kemudahan tersebut, perlaksanaanya

haruslah ditangguh sehingga kemudahan ini dirasakan mencukupi.

Mengenai soalan yang dibangkitkan yang merujuk khusus kepada kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, bolehlah saya jelaskan bahawa dasar yang kita amalkan sekarang ini ialah tidak lagi membekalkan peralatan komputer ke mana-mana Sekolah Rendah sekali pun, apakah Sekolah Kebangsaan, SRJK (T) atau SRJK (C). Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah sebagai satu kegiatan ko-kurikulum memang digalakkan untuk mewujudkan Kelab-kelab Komputer sekolah masing-masing.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, mengapakah beliau menyatakan bahawa beliau hanya akan meluluskan peruntukan untuk membeli komputer kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan bukan di bandar. Mengikut alasan Yang Berhormat Menteri bahawa sekolah-sekolah rendah di bandar mempunyai ibu bapa-ibu bapa yang kaya dan adakah ini bermakna bahawa mereka yang berada di bandar adalah semua kaya, kerana terdapat juga ibu bapa-ibu bapa yang bukan kaya?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat meneliti semua kenyataan-kenyataan saya berhubung dengan pendemokrasian pendidikan, saya jelaskan bahawa kemudahan sama ada pembangunan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan termasuk komputer diutamakan ke sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah-sekolah daif bandar. Saya elakkan kategori bandar itu dua kerana kebanyakan sekolah-sekolah bandar memang dianggap mempunyai kelengkapan yang lebih baik. Bahkan dalam kemudahan komputer memang sebahagian besar dari sekolah-sekolah bandar mempunyai kelengkapan komputer dan sebahagian besar mempunyai kelengkapan yang dianggap lebih dari mencukupi ditinjau dari keadaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Jadi, saya harap dengan jawapan ini tidak lagi menimbulkan sebarang kekeliruan

kerana kita memang menyediakan peruntukan tambahan, termasuk menyediakan kemudahan komputer ke sekolah-sekolah bandar yang kita anggap daif iaitu kebanyakannya di pinggir bandar ataupun di mana ibu bapa-ibu bapa pelajar yang belajar di sekolah tersebut dianggap miskin.

SISA TOKSIK-PEMBUANGAN

11. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah keputusan atau tindakan yang telah diambil selama ini untuk membina tapak pembuangan sisa-sisa toksik dan juga menyatakan jumlah sebenar sisa-sisa toksik di dalam negara ini dan di manakah ianya disimpan sekarang ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melantik dua buah syarikat antarabangsa iaitu I. Kruger dari Denmark dan Chem-Security Limited dari Canada untuk menjalankan kajian terperinci ke arah penubuhan suatu kemudahan bagi pengolahan dan penyimpanan sisa-sisa toksik yang merbahaya yang telah diolah. Kedua-dua syarikat itu diberi tempoh tidak melebihi 12 bulan untuk menyiapkan kajian tersebut.
- (b) Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan Juru-perunding dari luar negeri pada tahun 1987, jumlah sisa-sisa toksik yang telah dikeluarkan dianggarkan sebanyak 380,000 meter padu setahun. Adalah dianggarkan jumlah pada masa sekarang ialah lebih kurang 400,000 meter padu.
- (c) Buat masa sekarang ini, oleh kerana ketiadaan kemudahan pelupusan dan pengolahan yang sesuai, sisa-sisa yang bersifat toksik dan merbahaya yang dikeluarkan oleh kilang

disimpan di premis kilang masing-masing. Di samping itu ada juga di antara pekilang-pekilang setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar menghantar buangan-buangan tertentu yang dikeluarkan oleh kilang mereka ke negara-negara lain yang bersedia menerima buangan tersebut untuk diolah dan dilupuskan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya ingin tahu apakah 'terms of reference' yang diberi kepada syarikat-syarikat perunding yang mana Kementerian meminta mengkaji supaya dibuat satu pelan untuk tempat-tempat membuang sisa-sisa toksik ini. Adakah kajian ini akan menghasilkan satu Master Plan seluruh negara untuk diadakan jaringan tempat pembuangan ini supaya kita tidak sampai kepada keadaan yang dialami oleh Amerika Syarikat pada masa ini yang mana pembuangan sisa-sisa industri termasuk sisa-sisa toksik menjadi satu masalah negara ataupun national problem?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat. Projek ini merupakan satu projek perintis dan Kerajaan telah mengambil kira pengalaman, kepakaran dan prestasi yang terbukti di dalam kedua-dua negara masing-masing serta kemudahan yang diberikan oleh kedua-dua syarikat itu adalah sangat sesuai bagi negara kita. Lepas itu ia boleh dijadikan satu pelan untuk projek-projek jikalau ada pada masa depan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu apa sudah jadi kepada tapak di Sepang? Menurut jawapan yang diberi oleh Menteri pada sidang Jun tahun ini di mana selepas dibatalkan tapak Kampung Wodoh, berapa tempat lagi yang telah dikaji. Bolehkah Tindakan Menteri memberitahu apakah tempat itu dan apakah kajian yang dijalankan oleh Kementerian beliauh?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, tapak-tapak yang berpotensi sesuai untuk dijadikan sebagai tapak pembuangan sisa-sisa toksik adalah terletak di negeri Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Negeri Sembilan. Kerajaan belum memutuskan tapak mana yang akan digunakan untuk tujuan ini kerana semua tapak-tapak yang berpotensi tersebut masih diperingkat kajian dan hanya tapak yang betul-betul sesuai akan dipilih untuk dijadikan tapak pembuangan sisa-sisa toksik. Dan kita tunggulah kajian yang dijalankan oleh kedua-dua syarikat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

ALAM SEKITAR—LAPORAN EIA

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Environment Quality Control Act dengan peruntukan-peruntukan EIA telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya di Negeri Sarawak dan di Sabah, khasnya dalam memelihara hutan rimba yang terancam dari pembalakan kayu; dan
- (b) adakah laporan EIA telah diterima, dikaji dan diluluskan oleh Kementerian tentang perlaksanaan Projek Aluminium Smelting Plant di Bintulu dan Projek Reasort Highway untuk menyambungi Genting, Cameron Highlands dan Fraser's Hill dan jika ia apakah keputusan Kerajaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) peraturan yang menghendaki menyediakan laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (EIA) dikuatkuasakan di seluruh negara termasuk negeri Sarawak dan Sabah mulai daripada 1hb April, 1988. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai pelan pengurusan hutan yang juga bertujuan memelihara hutan rimba daripada diancam aktiviti pembalakan.
- (b) pihak Pengarah Projek Aluminium Smelting Plant di Bintulu sedang berusaha menyediakan laporan EIA. Mengenai projek Lebuh raya Peranginan di antara Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands, pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan Pengarah Projek tersebut menyediakan laporan EIA yang berkenaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa peraturan di bawah Environmental Quality Control Act telah dikuatkuasa di negeri Sarawak dan Sabah, soalan saya ialah berapakah EIA telah diterima oleh Kementerian Persekutuan tentang apa-apa projek untuk membalak kayu dalam tapak atau konsesi baru ini dan adakah didapati bahawa ramai daripada mereka yang memegang konsesi ini tidak pernah membuat EIA. Adakah sesuatu EIA yang dibuat? Kalau ia, bolehkah laporan EIA itu dibebaskan kepada orang ramai supaya saya pun boleh baca.

Soalan kedua ialah, dalam projek yang dicadangkan untuk menubuh projek Aluminium Smelting Plant ini yang berharga \$1 bilion, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu siapakah yang dari luar negeri itu atau mana satukah syarikat luar negeri itu yang akan dijadikan partner dalam konsortium itu?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada

soalan 2, saya ada maklumat kepada itu. Seperti saya telah sebutkan tadi keperluan EIA dikuatkuasa mulai 1hb April tahun lalu tetapi lesen untuk aktiviti pembalakan itu telah dikeluarkan sebelum tarikh penguatkuasaan EIA itu serta tidak mempunyai apa-apa syarat supaya EIA dijalankan. Walaupun demikian Kerajaan Negeri Sarawak telah memaklumkan bahawa segala konsesi balak yang jangkapanjang adalah diliputi oleh Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kejuruteraan Hutan yang terperinci. Pelan-pelan ini adalah bertujuan menentukan kerja membalak yang sistematik, mengurangkan kerosakan hutan dan hakisan tanah serta menentukan pengeluaran hasil hutan secara berterusan melalui kaedah silvikultur yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah pendirian Menteriannya mengenai cadangan untuk pengharaman pembalakan untuk eksport dan adakah ini hasil daripada usaha-usaha Menteriannya atau adakah Menteriannya menentang cadangan ini, a ban on logging untuk eksport.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian lain.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak dengar, boleh ulang sekali lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa itu Yang Berhormat? Saya pun tidak dengar. (*Ketawa*)

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ini di bawah bidangkuasa Menteri yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ini dari segi environmental control, daripada segi itu.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ini mengenai Dasar Ekonomi, bukan Dasar . . . (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 9, 12, dan 14 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

INTEGRASI NASIONAL— PERTUKARAN PEGAWAI KERAJAAN

6. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pihak Kerajaan sedang atau belum melaksanakan Skim Pertukaran Pegawai-pegawai Kerajaan yang melibatkan negeri-negeri di dalam Malaysia untuk mewujudkan integrasi nasional dengan lebih berkesan;
- (b) jika ada skim tersebut, sejauh manakah perkembangan dan pencapaiannya; dan
- (c) setakat ini, sudah berapa ramai pegawai-pegawai dari Sabah yang telah menyertai skim serupa itu jika ada.

Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Kerajaan ada melaksanakan program pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan yang melibatkan negeri-negeri untuk mewujudkan integrasi nasional dengan lebih berkesan.

Sebagai contohnya, program penempatan pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A telah dilaksanakan di antara pegawai-pegawai negeri dari Sarawak dengan Pegawai-pegawai Persekutuan dari Semenanjung sejak bulan Julai 1988. Melalui program ini seramai lima orang pegawai Persekutuan telah ditempatkan di Bahagian-bahagian tertentu di Sarawak dan lima orang Pegawai Tadbir Negeri Sarawak pula ditempatkan di Pejabat-pejabat Daerah tertentu di Semenanjung. Satu penilaian tentang keberkesanan program berkaitan akan dibuat di peringkat akhir tempoh program tersebut.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat tentang penglibatan pegawai-pegawai dari Sabah di bawah Skim Penempatan ini, dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sedang merundingkan perkara berkenaan dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah.

PEJABAT BELIA DAERAH— MEMBESARKAN

9. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk membesarkan Jabatan/Pejabat-pejabat Belia Daerah memandangkan 60% dari penduduk Malaysia terdiri dari kaum belia;
- (b) kenapakah peruntukan kegiatan sukan lebih besar dari apa yang diperuntukkan untuk kegiatan belia, walhal kemajuan negara bukan hanya bergantung kepada sukan tapi penglibatan belia juga adalah penting jika dikaji dari segi ekonomi; dan
- (c) adakah Kementerian sedar peruntukan yang terlalu kecil untuk kegiatan belia menyebabkan pergerakannya tidak bermaya (hidup segan mati tak mahu). Kiranya sedar apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):

- (a) Di dalam penyusunan semula struktur organisasi Kementerian Belia dan Sukan yang sedang disediakan, sememangnya terdapat rancangan untuk membesarkan lagi pejabat-pejabat di peringkat negeri dan daerah secara penambahan kakitangan dan peningkatan beberapa jawatan yang sedia ada.
- (b) Peruntukan yang telah diluluskan kepada Kementerian Belia dan

Sukan terbahagi kepada dua iaitu Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan.

Dari segi peruntukan Belanja Mengurus, sesungguhnya peruntukan bagi projek-projek Belia adalah lebih besar daripada peruntukan Sukan sepertimana yang dapat dilihat daripada angka-angka di bawah:

Peruntukan	Bahagian	
	Belia	Sukan
Tahun 1987	\$13,633,700	\$2,007,400
Tahun 1988	\$12,589,700	\$2,177,100
Tahun 1989	\$15,268,600	\$2,347,900
Tahun 1990	\$19,815,600	\$2,472,300

Daripada angka-angka di atas, dapatlah dilihat bahawa peruntukan bagi Belia adalah 85% manakala bagi Sukan adalah 15% daripada Peruntukan Belanja Mengurus keseluruhannya.

Bagi peruntukan Belanja Pembangunan pula tidaklah dinafikan bahawa peruntukan untuk sukan adalah melebihi daripada peruntukan untuk Belia kerana sesungguhnya perbelanjaan bagi pembinaan Infrastruktur dan Kemudahan-kemudahan Sukan seperti pembinaan Stadium, Gelanggang-gelanggang Permainan dan Mini Kompleks Sukan sememangnya memakan belanja yang begitu besar. Namun demikian, ini tidak pula bermakna bahawa Kementerian lebih mementingkan Sukan daripada Belia malah penekanannya adalah selari. Sebagai misal bagi peruntukan keseluruhannya bagi tahun 1990 adalah diperhatikan bahawa perbezaan di antara peruntukan Belia dan Sukan tidaklah jauh berbeza

seperti di bawah:

	Peruntukan 1990	
	Belia \$	Sukan \$
(i) Peruntukan Mengurus	19,815,600	2,472,300
(ii) Peruntukan Pembangunan	16,080,000	35,170,000
	<u>35,905,600</u>	<u>37,642,300</u>

- (c) Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa peruntukan yang sedia ada memanglah tidak mencukupi untuk menampung keperluan aktiviti pembangunan belia di negara ini. Walau bagaimanapun, di samping berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kerajaan, Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan lain yang mempunyai program untuk pembangunan belia dalam pelbagai bidang seperti latihan, ekonomi dan pekerjaan. Selain itu juga Kementerian sentiasa cuba untuk mendapatkan kerjasama dan sumbangan daripada pihak swasta untuk kegiatan belia.

INSTITUSI PENGAJIAN VOKASIONAL DAN TEKNIK

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan supaya Institusi Pengajian Vokasional dan Teknik lebih berkesan dan terus menerus dapat melahirkan tenaga pakar bagi memenuhi hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah Negara Industri. Sejauh manakah penekanan diberi kepada mereka yang terlibat (seperti pensyarah kanan politeknik, Maktab Perguruan Teknik, (ITM) Institut Teknologi Mara dan pekerja Institut Teknologi).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi-institusi Pengajian Vokasional dan Teknik yang merangkumi politeknik-politeknik, Maktab Perguruan Teknik dan ITM adalah diharapkan oleh Kerajaan untuk melahirkan tenaga pakar secara lebih berkesan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah:

- (i) Penambahan bilangan Sekolah Menengah Vokasional dan Politeknik yang menawarkan kursus-kursus pengkhususan;
- (ii) Mengadakan lebih banyak kursus pengkhususan peringkat Diploma di Politeknik seperti Kursus Teknologi Komputer dan Kursus Teknologi Pembuatan.
- (iii) Menggalakkan penyertaan pihak industri dan firma-firma swasta membantu dan menjadi penasihat dalam memperkembangkan kurikulum, vokasional dan teknologi yang sedia ada dan yang sedang dirancang supaya selaras dengan keperluan semasa.
- (iv) Mengadakan latihan industri bagi pelajar-pelajar Politeknik. Misalnya ada pelajar-pelajar yang dihantar ke Sapura Holdings bagi menjalani latihan Elektronik Komunikasi.

Penekanan yang telah diberikan kepada tenaga-tenaga pengajar adalah:

- (i) Memberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi menerusi Skim Latihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.
- (ii) Menghantar mereka untuk mengikuti kursus-kursus jangka pendek selama 3 atau 6 bulan menerusi Program Latihan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional dan "Asian Development Bank (ADB)".

SISWAZAH MENGANGGUR

14. Tuan Mohd. Noh bin Rejab minta Menteri Pertanian menyatakan sambutan yang diberi oleh Siswazah-Siswazah

terhadap program khas yang diwujudkan oleh Kementerian Pertanian melalui kemudahan-kemudahan khidmat nasihat dan khidmat pinjaman bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan atau usahawan-usahawan di kalangan siswazah yang menganggur. Apakah kajayaan yang telah diperolehi setakat ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

1. Program Petani Siswazah diwujudkan dengan tujuan untuk memodenkan sektor pertanian, iaitu mengubah pertanian secara tradisional kepada pertanian secara moden yang berorientasikan komersial menerusi penyerapan golongan muda yang terlatih.
2. Sehingga bulan Oktober 1989, seramai 893 orang siswazah telah mendaftar dengan Kementerian ini untuk menyertai program dan mendapatkan kemudahan khidmat nasihat dari Kementerian Pertanian serta Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian.
3. Daripada jumlah tersebut, seramai 273 orang siswazah telah melibatkan diri dalam 169 buah projek dengan pecahan seperti berikut:

<i>Status Projek</i>	<i>Bil. Siswazah</i>	<i>Bil. Projek</i>
Perancangan	83	54
Pelaksanaan	190	115
Jumlah	273	169

4. Projek-projek tersebut meliputi kawasan seluas 1189.65 h.a. Daripada jumlah keluasan ini 377.31 ha. adalah kawasan tanah sawah terbiar.
5. Di bawah kemudahan khidmat pinjaman, Bank Pertanian Malaysia telah meluluskan sebanyak 83 pinjaman kepada 120 orang siswazah yang bernilai \$2,159,970.

RUMAH HARGA MAHAL— PEMBINAAN

15. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa agensi-agensi Kerajaan di Johor telah membina sekitar 300,000 unit rumah harga mahal dan tidak upaya dibeli oleh rakyat tempatan. Dapatkah Kerajaan menjelaskan mengapa kejadian itu boleh berlaku.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada maklumat yang dapat mengesahkan sama ada agensi-agensi Kerajaan di Johor telah membina sekitar 300,000 unit rumah harga mahal yang tidak mampu dibeli oleh rakyat tempatan seperti yang disebut dalam soalan Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun dari siasatan Kementerian ini, daripada tahun 1970 sehingga akhir tahun 1988 sebanyak 2,475 unit, iaitu 1,788 unit rumah kos sederhana dan 687 unit rumah kos tinggi telah dibina oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Dalam tempoh yang sama, kedua-dua agensi tersebut telah membina sebanyak 8,372 unit rumah kos rendah di negeri Johor.

Pembinaan rumah kos sederhana dan kos tinggi oleh agensi-agensi Kerajaan seperti PKENJ dan UDA sememangnya diharapkan. Ini dapat dilihat dari sasaran pembinaan rumah dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) di mana agensi-agensi Kerajaan itu diharap membina sebanyak 5,500 unit rumah kos sederhana dan kos tinggi di samping membina sejumlah 13,200 unit rumah kos rendah di seluruh negara.

IMPORT FILEM-FILEM

16. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah perbelanjaan untuk mengimport filem-filem dan

program-program berbanding dengan pernerbitan rancangan televisyen tempatan pada tahun 1987, 1988 dan 1989. Bera-pakah peratus rancangan televisyen TV1 dan TV2 terdiri daripada rancangan terbitan tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Perbelanjaan RTM untuk mengimport program-program asing adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1987	\$10,507,230.00
1988	\$15,818,000.00
1989	Sehingga 30-6-1989 —\$13,592,500.00

Selain daripada itu RTM juga membeli rancangan-rancangan dari syarikat-syarikat swasta tempatan seperti drama-drama swasta, filem Melayu dan program hiburan. Ini bersesuaian dengan dasar penswastan dan juga usaha mewujudkan satu industri perfileman dan televisyen tempatan.

Jumlah perbelanjaan RTM di atas pembelian rancangan-rancangan tempatan bagi tahun 1987, 1988, 1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1987	\$17,602,965.00
1988	\$20,067,435.00
1989	Sehingga 30-6-1989 —\$7,656,025.00

Mengenai rancangan-rancangan terbitan tempatan di RTM1 dan RTM2 mengikut peratus untuk 3 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

	<i>1987</i>	<i>1988</i>	<i>1989</i>
TV1	65.3%	75.7%	65.3%
TV2	49.5%	46.2%	41%

RTM sedang berusaha bagi meningkatkan kandungan rancangan tempatan di RTM1 kepada 80%. Bagi RTM2 ianya telah pun mencapai matlamat RTM untuk menyiarkan 41% ruang tempatan.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

17. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah pencapaian "Rancangan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin" di negara ini khususnya di negeri Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Sehingga kini, Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak 4.6 juta bagi melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin di negeri Sabah.

Pencapaian belum boleh dikesan lagi kerana kesemua Program Pembangunan Rakyat Termiskin masih lagi dalam pelaksanaan.

Walau bagaimanapun setakat ini pencapaian bagi program kekurangan zat makanan (KZM) sahaja yang dapat dikesan di Sabah, iaitu seramai 2,433 kanak-kanak telah dikenalpasti dan sedang mendapat bantuan.

TEKSI—SYARAT KAPASITI ENJIN

18. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada menerima surat daripada Ahli Parlimen Bukit Mertajam yang bertarikh 18-9-1989 berhubung dengan syarat kapasiti enjin yang akan dikenakan atas teksi-teksi. Jika ya, apakah keputusan Kementeriannya terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam surat itu.

Dato Napsiah binti Omar: Untuk makluman, surat Ahli Yang Berhormat bertarikh 18 September 1989 berhubung dengan syarat-syarat kapasiti enjin yang akan dikenakan ke atas teksi-teksi telah pun diterima. Sukacita saya maklumkan bahawa peraturan-peraturan mengenai kapasiti minima enjin bagi teksi iaitu 1450 c.c akan dikenakan kepada dua kategori pemegang lesen mulai daripada 1 Januari,

1990 iaitu kepada:

- (i) Pemegang-pemegang lesen teksi baru yang mendapat kelulusan selepas tarikh tersebut; dan
- (ii) Untuk pemegang-pemegang lesen yang sedia ada yang telah memohon dan mendapat kelulusan untuk menukar kenderaan selepas tarikh tersebut.

SUNGAI YANG TERCEMAR DI SARAWAK

19. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah sungai di negeri Sarawak yang sudah tercemar dan usaha-usaha ataupun langkah Kerajaan untuk membaikpulih sungai-sungai tersebut. Dan apakah yang menyebabkan pencemaran sungai-sungai ini?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Dalam program pengawasan sungai tahun 1988, sebanyak 20 batang sungai di Sarawak telah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar. Kesemua sungai yang diawasi di Negeri Sarawak di dapati bebas dari pencemaran organik dan amonia. Kandungan logam-logam berat dalam air sungai juga didapati rendah dan parasnya sentiasa di bawah paras piawai yang ditetapkan bagi tujuan perikanan. Walau bagaimanapun, terdapat 11 batang sungai di mana paras kelodakannya tinggi, Sungai Sarawak, Batang Sadong, Sungai Kerian, Batang Rajang, Batang Oya, Batang Mukah, Sungai Balingian, Batang Kemena, Sungai Sibuti, Batang Baram dan Sungai Limbang.

Ada dua cara Kerajaan menjaga kebersihan sungai, iaitu penguatkuasaan undang-undang dan pembentukan garis-panduan bagi mencegah hakisan tanah dan kelodakan sungai. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuklah Kerajaan Negeri dalam usaha menguatkuasakan undang-undang dan membaiki kaedah pelaksanaan projek-projek

pembangunan untuk mengelak masalah pencemaran, khususnya kelodakan sungai.

PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN

20. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penerima-penerima bantuan Kebajikan di Negeri Kelantan dan berapa ramaikah di Jabatan Daerah Kuala Krai;
- (b) mengapakah ada penerima pada tahun 1988 telah dipotong/dibatalkan sedangkan mereka perlu kepada bantuan tersebut;
- (c) apakah sumbangan Kementerian Kebajikan terhadap kanak-kanak sekolah sedangkan mereka tidak dapat ke sekolah kerana kemiskinan; dan
- (d) berapa ramaikah murid-murid sekolah yang mendapat bantuan/biasiswa daripada pihak kebajikan di Kelantan.

Tuan Peter Chin Fah Kui:

- (a) Berdasarkan kepada kedudukan masa kini, jumlah kes bantuan kebajikan di negeri Kelantan ialah sebanyak 6,593 dan bagi daerah Kuala Krai ialah 334.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan kebajikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah merupakan bantuan sementara sahaja dan akan diberhentikan apabila sesuatu keluarga yang menerima bantuan tersebut boleh berdikari ataupun anak-anak yang dimasukkan dalam perkiraan bantuan sudah meningkat umur 18 tahun. Pada amnya bantuan yang telah diberhentikan dalam tahun 1988 adalah atas sebab-sebab tersebut.

(c) Kementerian Kebajikan Masyarakat mengeluarkan bantuan bagi keluarga miskin yang mempunyai anak yang masih bersekolah, iaitu:

- (i) bantuan sekolah sebanyak \$25 bagi seorang akan dengan maksimum \$115 sebulan bagi satu keluarga; dan
 - (ii) bantuan untuk membayar yuran peperiksaan, tambang bas, pakaian seragam serta buku rampaian.
- (d) Bagi tahun 1988, seramai 2,361 kanak-kanak di negeri Kelantan menerima Bantuan Kanak-kanak daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan seramai 1,053 kanak-kanak daripada peruntukan Kerajaan Negeri.

RUMAH KOS RENDAH— BILANGAN

21. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah kos rendah yang telah didirikan di seluruh negara oleh Kerajaan dan swasta dalam tahun 1989. Nyatakan peratus perbandingan dengan tahun 1988 dan apakah faktor-faktor yang masih menjadi penghalang kemajuan tersebut di negeri-negeri.

Tuan Lee Kim Sai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa bilangan rumah kos rendah yang telah didirikan oleh Kerajaan di bawah Perumahan Awam Kos Rendah bagi tahun ini sehingga 30-6-1989 adalah 3077 unit. Manakala bilangan rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah 5,275 unit. Pencapaian bagi setengah tahun pertama 1989 adalah merupakan sebanyak 78% daripada pencapaian bagi sepanjang tahun 1989. Berdasarkan kepada pencapaian setengah tahun ini maka prestasi bagi tahun 1989 dijangka akan menjadi lebih baik berbanding dengan prestasi bagi tahun 1988.

Berhubung dengan faktor-faktor yang menjadi penghalang kemajuan pula, sukalah saya memaklumkan bahawa pada umumnya, bagi Program Khas Perumahan Kos Rendah, masalah-masalah yang dihadapi adalah seperti berikut:

- (i) tapak-tapak yang dikenalpasti adalah kurang sesuai untuk dimajukan dengan serta merta, akibat ciri-ciri fizikal tapak dan kekurangan permintaan di kawasan berkenaan. Ini telah menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperoleh pembiayaan, dan masalah dalam memperoleh kelulusan perancangan dan infrastruktur;
- (ii) bagi tapak-tapak yang sesuai pula, maka masalah-masalah lain yang juga wujud, di antaranya termasuklah pemaju atau kontraktor yang dipilih kurang keupayaan dan kebolehan melaksanakan projek;
- (iii) kelewatan dalam pemilihan pemaju atau kontraktor dan kelewatan memperoleh kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, pelan infrastruktur dan pelan pembangunan.

Mengenai Program Perumahan Awam Kos Rendah pula, di antara masalah-masalah yang mempengaruhi prestasinya adalah seperti berikut:

- (i) Sumber kewangan Kerajaan yang terhad untuk membiayai pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah. Ini menyebabkan banyak projek yang tidak dapat diluluskan peruntukannya untuk dilaksanakan pada awal tempoh Rancangan Malaysia Kelima dahulu.

(ii) Bagi projek-projek yang diluluskan peruntukannya terdapat pula masalah-masalah lain. Di antaranya ialah—

- (a) kontraktor yang dipilih kurang keupayaan dan kebolehan melaksanakan projek. Ini menyebabkan pelaksanaan projek tidak berjalan lancar dan seterusnya tergendala;
- (b) kerap kali berlaku perubahan skop projek di mana projek-projek asal yang telah diluluskan dibatal serta diganti dengan projek yang lain. Ini secara langsung melewatkan pelaksanaan projek kerana kelulusan projek gantian terpaksa dipertimbangkan semula;
- (c) tapak-tapak yang dikenalpasti tidak sesuai dimajukan dengan serta merta kerana ciri-ciri fizikal tapak. Ini menimbulkan masalah seperti kos pembangunan yang tinggi;
- (d) keupayaan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terhad. Keadaan ini berlaku apabila beban tugas jentera pelaksanaan Kerajaan Negeri telah meningkat, lebih-lebih lagi sejak Program Khas Perumahan Kos Rendah dilancarkan pada bulan Julai, 1986. Dalam hal ini perhatian yang penuh tidak dapat ditumpukan kepada projek-projek perumahan awam kos rendah.

GRADUAN MENGANGGUR

22. Tuan Douglas Uggah Embas minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan graduan yang menganggur dalam negara sehingga 30 September 1989;
- (b) apakah rancangan jangka panjang untuk menentukan masalah graduan menganggur ini dikurangkan.

Tuan Othman bin Abdul: Bilangan graduan menganggur yang telah mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga 30-9-1989 adalah seramai 16,439 orang. Manakala jumlah siswazah yang telah berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat dan masih aktif mencari kerja sehingga akhir Ogos 1989 ialah seramai 9,523 orang.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan sebagai rancangan jangka panjang untuk membantu para graduan yang menganggur untuk mendapatkan pekerjaan adalah seperti berikut:

- (i) skim khidmat sambilan (SKS);
- (ii) skim latihan khas; dan
- (iii) skim latihan kemahiran.

Jabatan Tenaga Rakyat juga melaksanakan Rancangan Perkhidmatan Penempatan Pekerjaan. Melalui rancangan ini bilangan siswazah ditempatkan ke dalam pelbagai pekerjaan melalui Biro Pekerjaan Ikhtisas telah meningkat iaitu dari 407 siswazah dalam tahun 1987 kepada 677 siswazah dalam tahun 1988. Dalam tahun 1989, sehingga bulan Ogos 438 siswazah berdaftar telah ditempatkan.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

23. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah pusat-

pusat pemulihan yang ada di seluruh negara untuk membina bangunan pusat pemulihan untuk penagih-penagih dadah di Sabah. Berapakah yang diperuntukkan untuk pembinaan pusat ini dan bilakah projek ini akan dimulakan dan berapa lamakah masa yang akan diambil untuk menyiapkannya.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Pada masa ini ada sebanyak 9 buah pusat pemulihan dadah di seluruh negara.

Sejumlah \$3 juta telah diperuntukkan untuk membina sebuah pusat pemulihan untuk penagih-penagih dadah di Sabah. Projek ini akan dimulakan pada awal tahun 1990 dan dijangka siap dalam tahun itu juga.

PENGEDAR DAN PENAGIH DADAH—TANGKAPAN

24. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes tangkapan pengedar dan penagih dadah setakat ini mengikut negeri;
- (b) jenis dan jumlah dadah dan harta pengedar yang dirampas dan dari negara mana dadah ini diseludup;
- (c) bilangan kes yang telah dibicarakan dan yang belum; dan
- (d) cara bagaimana pengedar ini dapat menyeludup dadah ke dalam negara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Bilangan kes tangkapan pengedar dan penagih dadah setakat ini

adalah seperti berikut:

Negeri	1987		1988		1989 (sehingga Ogos)	
	Pengedar	Penagih	Pengedar	Penagih	Pengedar	Penagih
Kedah/Perlis	21	1,801	29	1,866	28	959
Perak	24	4,504	28	4,740	15	2,783
P. Pinang	37	527	58	1,350	55	483
Selangor	9	2,003	17	2,168	15	1,165
K. Lumpur	105	1,191	113	1,376	34	939
N. Sembilan	—	1,399	—	1,867	2	796
Melaka	—	640	1	770	2	524
Johor	75	3,760	62	5,172	26	2,968
Pahang	3	903	—	855	6	499
Kelantan	11	709	22	725	19	470
Terengganu	3	998	3	1,340	1	666
Sabah	21	98	14	102	8	68
Sarawak	1	152	3	138	—	114
Jumlah	310	18,685	350	22,469	211	12,434

(b) (i) Jenis dan jumlah dadah yang dirampas mengikut sukatan kilogram adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah rampasan		
	1987	1988	1989 (Sept.)
Candu Mentah	193.39	221.21	583.28
Candu Masak	22.01	3.98	8.53
Morfin	0.45	0.68	0.24
Heroin	40.24	306.98	245.46
Ganja	902.11	1179.91	1112.01
P/Psikotropik	21284	13.142	8.815

(ii) Jenis harta yang dirampas oleh polis sehingga 5/8/890 adalah seperti berikut:

Jenis	Nilai \$
Kenderaan	502,060.00
Barang Kemas/Jam	54,309.00
Barang Elektrik	7,960.00
Telefon Bergerak	28,000.00
Akaun Bank	119,100.31
<i>Wang Tunai</i>	
Malaysia Ma	526,669.18
Thailand Baht	281,812.00
Hong Kong HK	20.00
Brunei Br	20.00
Singapura S	1.00
Indonesia Rp	10,000.00
Resit Simpanan Tetap	10,000.00
Cek Tunai	9,819.25
Policy	100,000.00
Sijil Saham	2,500.00

(c) Bilangan kes-kes yang telah selesai dan yang belum selesai dibicarakan

dari tahun 1987, 1988 dan 1989 (Ogos) adalah seperti berikut:

Tahun 1987 —	Selesai dibicara	: 89
	Belum selesai	:145
Tahun 1988 —	Selesai dibicara	: 39
	Belum selesai	:182
Tahun 1989 —	Selesai dibicara	: 14
(sehingga Ogos)	Belum selesai	:173

(d) Penyeludupan dadah ke dalam negara Malaysia didapati dibuat melalui jalan darat dan juga laut.

Penyeludupan melalui jalan darat ini dibuat melalui pintu masuk sah, melalui kawasan berpagar di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand dan melalui sungai-sungai dan pengkalan haram di antara kedua buah negara ini. Bagi melepasi kawalan di pintu masuk, pengedar-pengedar dadah mengambil kesempatan untuk masuk semasa orang ramai berpusu-pusu masuk ketika hampir pintu ditutup di sebelah petang. Dadah yang diseludup itu seperti disorokkan di tempat-tempat atau ruang khas kenderaan, dalam alat-alat kelengkapan rumah, beg-beg yang

diubahsuaikan dan seumpamanya.

Petugas-petugas di pintu masuk ini juga kekurangan alat-alat mengesan dadah. Buat masa ini cuma anjing sahaja yang dapat digunakan untuk menghidu dadah dan anjing-anjing ini pula tidak mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Di kawasan sempadan berpagar yang begitu panjang antara Malaysia dan Thailand kawalan tidak dapat diadakan sepenuh masa oleh kerana keanggotaan tidak mencukupi. Dengan itu pengedar-pengedar dadah dapat menyusupi melalui pagar-pagar ini yang dipotong. Penyeludupan juga telah dapat dikesan melalui anak-anak sungai yang menjadi pengkalan-pengkalan haram. Kesemua tempat-tempat ini tidak dapat dikawal sepenuhnya.

Selain daripada penyeludupan melalui darat, adalah didapati bahawa penyeludupan juga dilakukan melalui laut. Pengedar-pengedar ini membawa dadah mereka dengan menggunakan bot-bot nelayan atau bot-bot khas mereka. Dadah ini diturunkan di pulau-pulau kecil Kumpulan Langkawi ataupun di pantai-pantai Barat Pulau Pinang.

AL-ARQAM—PENGHARAMAN BUKU

25. Tuan Muhammad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar yang ahli-ahli Darul Arqam sedang mencari pengaruh di kalangan pembesar-pembesar termasuk ahli-ahli politik dengan menghadiahkan buku-buku yang mendewa-dewakan Ustaz Ashaari Muhamad. Jika mengetahui, apakah tindakan sewajarnya supaya dapat menyekat pengaruh negatif Darul Arqam yang diketahui amalannya menyalahi dasar Kerajaan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan sememangnya sedar terhadap tindak tanduk Darul Arqam yang berusaha mencari pengaruh di kalangan masyarakat umum termasuk pemimpin-pemimpin Kerajaan dan ahli-ahli politik. Menerusi berbagai cara termasuk pendedaran dan penjualan buku-buku dan majalah karya para penulis Darul Arqam sendiri.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah seperti berikut:

- (i) mengkaji dan mengharamkan buku-buku terbitan Al-Arqam yang boleh mengelirukan orangramai, antaranya—
 - (a) Buku Aurad Muhammadiyah pegangan Darul Arqam karya Ustaz Ashaari Muhammad.
 - (b) Buku Siapakah Mujadid Abad ke 15.
- (ii) mengadakan dialog dengan golongan yang dianggap menyeleweng dari ajaran Islam;
- (iii) Kerajaan telah menggantung permit penerbitan majalah dan akhbar terbitan Al-Arqam yang didapati menyeleweng dari aqidah Islam; dan
- (iv) mengadakan ceramah dan taklimat mengenai pentingnya kesedaran Islam dan bahayanya ajaran sesat kepada orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat terhadap masalah ini dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan awam dan negara.

DAFTAR PEMILIH DI SABAH

26. Tuan Michael Asang minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk memperbetulkan discrepancies yang terdapat di dalam senarai Daftar Pemilih 1987 dan 1988 di seluruh 49 kawasan

Pilihanraya di Negeri Sabah sepertimana yang tersiar dalam surat khabar Negeri "The Borneo Mail".

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Suruhanjaya Pilihanraya telah menubuhkan satu pasukan petugas (task force) untuk menyiasat perkara ini dengan lebih terperinci dan membetulkan segala discrepancies dalam senarai Daftar Pemilih di negeri Sabah.

SENARAI PENGUNDIAN 1988 DI SABAH

27. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah senarai pengundian tahun 1988 bagi Negeri Sabah terdapat banyak perselisihan jika dibandingkan dengan senarai tahun 1977. Apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbetulkan perselisihan-perselisihan tersebut.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Soalan yang serupa maksudnya yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Tawau telah dijawab dalam Dewan ini pada 30-10-89. Saya tiada apa-apa lagi tambahan.

BANDUAN LARI DARI PENJARA

28. Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan banduan lari dari penjara sudah banyak kali berlaku; adakah ini disebabkan oleh kecuaihan pihak wader atau struktur penjara itu sendiri tidak dilengkapi dengan loceng-loceng amaran. Bentuk binaannya tidak begitu kukuh atau kurang disiplin dan kawalan yang tidak rapi.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Antara sebab-sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) Kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas;

- (ii) Peluang yang wujud semasa menyertai "projek khidmat bakti" di luar penjara;
- (iii) Keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan; dan
- (iv) Keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.

PENYAKIT AIDS

29. Dr Nicholas Munong anak Ibau minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sampai ke hari ini berapakah jumlah kes penyakit AIDS dan pembawa virus AIDS yang telah disahkan di negara ini;
- (b) dari jumlah pesakit AIDS itu berapakah jumlah mereka yang sudah meninggal dunia; dan
- (c) apakah rancangan Kementerian Kesihatan untuk mencegah penyakit AIDS merebak besar-besaran.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

SIARAN FILEM/DRAMA INDONESIA

30. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) pertunjukan filem-filem dari Indonesia yang disiarkan menerusi RTM, berapa banyak perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi sesebuah filem dan filem-filem drama yang bersiri dari Indonesia; dan
- (b) berapa banyak filem-filem Melayu tempatan yang disiarkan dalam televisyen bagi 2 saluran untuk tiap-tiap minggu dan berapa bayaran

yang dibuat bagi sesebuah filem mengikut jangka masa yang tertentu.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:

- (a) Siaran filem-filem dan drama-drama dari Indonesia merupakan salah satu langkah untuk mempelbagaikan rancangan hiburan untuk memenuhi selera para penonton. Perbelanjaan sesebuah filem Indonesia ialah di antara M12,000.00 sehingga M\$15,000.00. Bagi drama Indonesia bersiri, perbelanjaan adalah sebanyak \$12,000.00 satu episod. RTM 1 telah menyiarkan sebanyak 13 siri drama Indonesia dalam tahun 1989.
- (b) RTM menyiarkan Cereka Melayu dalam 3 bentuk iaitu dalam bentuk filem Melayu, drama panjang khas untuk televisyen dan drama bersiri yang disiarkan melalui RTM 1 sahaja.

Filem-filem Melayu disiarkan 2 kali seminggu seperti berikut—

- (1) Rabu — 8.30 malam melalui rancangan "Teater Melayu".
- (2) Khamis— 2.30 petang melalui rancangan "Mutuara Filem".

Drama-drama Melayu panjang yang mengambil masa siaran 75 minit yang dibuat khas untuk televisyen oleh syarikat-syarikat swasta tempatan disiarkan 3 kali seminggu seperti berikut—

- (1) Jumaat — 2.00 petang melalui rancangan "Pentas Jumaat (siaran ulangan).
- (2) Jumaat — 8.30 malam melalui rancangan "Layar Mutuara".
- (3) Sabtu — 10.30 malam melalui rancangan "Pentas Permata".

Pembayaran dibuat tidak mengikut jangkamasa tetapi mengikut kadar satu unit dan penilai gred yang ditetapkan oleh satu jawatankuasa pemilihan filem.

Kadarnya adalah seperti berikut:

<i>Jenis Filem Melayu</i>	<i>Bayaran Untuk Satu Tayangan</i>
1. Hitam Putih	\$10,000
2. Hitam Putih (P. Ramlee)	\$12,000
3. Filem Warna (Ulangan)	\$15,000
4. Filem Warna selepas tayangan di TV3	\$18,000
5. Filem Melayu berwarna yang belum ditayangkan di mana-mana TV	\$60,000 ke atas bagi 3 kali tayangan dalam masa 3 tahun
6. Drama Melayu panjang (75 minit)	\$50,000-\$70,000 satu tayangan

WAKIL N.E.C.C.

31. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah wakil-wakil N.E.C.C. menjalankan dan/atau membuktikan dan memberi pandangan terhadap polisi-polisi untuk meneruskan Dasar Ekonomi Baru apabila mereka menafikan dan juga menerima data-data daripada pihak Kerajaan. Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang berkenaan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telah pun dijawab pada 19-10-89 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

RANCANGAN IBADAT HAJI DI ARAB SAUDI

32. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan adakah rancangan membuat liputan terus bagi masa umat-umat Islam mengerjakan ibadat Haji di tanah suci.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Di musim Haji yang lepas,

RTM telah berusaha untuk menerbitkan beberapa rancangan mengenai ibadat Haji di Mekah dan Madinah dan menyiarkan secara langsung dari sana. Di saat-saat akhir rancangan ini dibatalkan kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Arab Saudi tidak meluluskan pemergian pasukan penggambaran RTM atas sebab-sebab keselamatan.

Walau bagaimanapun dengan bantuan TV Arab Saudi, RTM dapat menyiarkan dua rakaman berikut:

- (a) Upacara ibadat Haji di Padang Arafah pada Hari Wukuf;
- (b) Sembahyang Hari Raya Haji di Masjidilharam Mekah.

RTM akan berusaha lagi untuk mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Arab Saudi bagi membolehkan pasukan penggambaran RTM dihantar ke Arab Saudi tahun depan untuk membuat beberapa rancangan mengenai ibadat Haji untuk disiarkan secara langsung ke negara kita.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Serangan yang kedua, Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Bukan. Jangan Tuan Speaker menganggap ini satu serangan terhadap Tuan Speaker, tetapi ini satu ujian bagi Tuan Speaker supaya membuat satu keputusan yang adil dan saksama.

Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 26 (1) (*p*), semalam saya ada membangkitkan perkara mengenai merujuk seorang Ahli iaitu Ahli Yang Berhormat dari Arau ke Jawatankuasa Hak dan Kebangsaan Dewan mengenai . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat 29, Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Peraturan Mesyuarat 26 (1) (*p*) mengenai tingkah laku beliau pada 17hb lalu dalam Dewan ini sewaktu rakan saya dari Jelutong membahaskan peruntukan bagi Kementerian Kehakiman dan

semalam Tuan (Timbalan) Speaker ada merujuk saya kepada jawapan yang telah diberi oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu perkara ini hendaklah dibawa secara usul tanpa notis dan ianya akan dimasukkan ke dalam Kertas Urusan Mesyuarat dan dibahaskan mengikut Peraturan Mesyuarat 15, dan semalam juga saya ada membangkitkan bahawa ini tentu tidak akan berlaku oleh kerana usul itu adalah usul tersendiri dan oleh kerana ia usul tersendiri, maka ia adalah usul yang terakhir ataupun adalah usul selepas tamatnya atau selesainya Urusan Kerajaan.

Memandangkan keputusan Tuan speaker sendiri semalam dan juga satu jaminan bahawa perhatian akan diberi kepada perkara ini khususnya Peraturan Mesyuarat 26 (1) (*n*) di mana rakan saya dari Tanjong, Ketua Pembangkang ada membangkitkan a motion for the withdrawal of strangers, bagaimana kalau sekiranya perkara seorang ahli membangkitkan mengenai a motion for the withdrawal of strangers, apakah keputusan itu akan juga mengikut apa yang Tuan Yang di-Pertua memutuskan iaitu ia hendaklah menjadi satu usul yang akan dimasukkan ke dalam Kertas Urusan Mesyuarat.

Di sini, Tuan Speaker, 26 (1) (*a*) sampai (*s*) terdapat kesemua ini adalah tertakluk kepada beberapa Standing Orders dan Peraturan-peraturan Mesyuarat dalam buku ini dan kesemuanya ini usul tidak dikeluarkan dengan notis ataupun usul itu dimasukkan ke dalam Kertas Urusan Mesyuarat. Umpamanya, 26 (1) (*f*), dengan izin:

“(f) a motion that the proceedings on any specified business be exempted from the provisions of Standing Order 12;”

Selalunya kita nampak Menteri-menteri bangun untuk memanjangkan tempoh persidangan setiap hari dan usul itu tidak dimasukkan dalam Kertas Urusan Mesyuarat dan oleh kerana Peraturan Mesyuarat 26 (1) (*p*) dimasukkan dan disenaraikan, digolongkan sama-sama dengan (*a*) hingga (*s*) ini bererti bahawa 26 (1) (*p*) juga tidak memerlukan usul yang hendak dimasukkan ke dalam Kertas Urusan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat rujuk kepada 26 (1) (f), telitilah sedikit Peraturan Mesyuarat 12 yang ada satu proviso yang mengatakan, "that a Minister may without notice move at any time a motion to be decided without amendment . . ." Maknanya ini ada satu peruntukan yang khas untuk itu. Oleh sebab itu ia boleh ditimbulkan pada bila-bila masa.

Tuan P. Patto: Baik. Apabila kita baca juga lain-lain usul, umpamanya (a), (b), (c) dan lain-lain ia juga mempunyai peruntukan di mana tidak boleh bahas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak hendak ganggu dengan hujah-hujah Yang Berhormat, tetapi tidak ada perkara yang baru. Apa yang saya kata semalam ialah bahawa kita telah membuat satu keputusan dan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat dari Tanjong telah menimbulkan satu dua perkara dan saya kata saya boleh ambil perhatian dan membincangkan dengan Speaker. Selepas itu kalau kita ada apa-apa perubahan kita akan maklumkan perkara itu kepada Dewan. Tetapi setakat ini precedent yang telah dibuat masih ada.

Tuan P. Patto: Tidakkah boleh, Tuan Speaker . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak ada pilihan yang lain, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Ya, saya sudah mendengar hujah daripada Tuan Speaker dan saya walaupun tidak menerima pandangan itu tetapi saya mendengarlal apa yang Tuan Speaker kata. Tetapi Tuan Speaker harus juga menimbang semula keputusan itu oleh kerana 26(1)(p) adalah dilonggokkan bersama-sama dengan (a), (b), (c), (d), (e) sampai (s) . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya faham, Yang Berhormat. Saya mendengar hujah itu semalam.

Tuan P. Patto: Ya, bererti bahawa usul seumpama ini tidak payah dimasukkan ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya boleh secara bertulis ataupun secara umum membuat satu ruling, satu atau dua hari lepas daripada ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker tidak boleh buat sesuatu oleh kerana semalam Tuan Speaker telah berjanji akan mengambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bagi sedikit masa, Yang Berhormat, kerana ini satu perkara yang mendalam.

Tuan P. Patto: Kalau begitu, Tuan Speaker, saya akan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Untuk Yang Berhormat dan khas untuk Yang Berhormat, saya akan membuat sedikit siasatan dan juga "research" atas perkara itu.

Tuan P. Patto: Kalau begitu, bolehkah saya sekarang di dalam Dewan ini juga memberi notis bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 43, saya bercadang untuk membawa satu usul untuk mengulang-kaji?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tetapi memerlukan notis, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Notis sudah ada sekarang secara bertulis dan saya minta Tuan Speaker buat ruling bahawa . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Hantarkan notis itu kepada Speaker.

Tuan P. Patto: Kepada Setiausaha sekarang juga.

(Notis diserahkan kepada Setiausaha)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dan selepas itu kita boleh tengok . . .

Tuan P. Patto: Begini, Tuan Speaker, ini "substantive motion" dan oleh kerana ia substantive motion (usul bersendir),

bolehkah Tuan Speaker membuat satu ruling sekarang juga bahawa hari Jumaat perbahasan akan diadakan atas usul ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, Yang Berhormat. Saya tidak boleh buat ruling.

Tuan P. Patto: Kalau begitu, apa maknanya mengadakan Peraturan 43, usul bersendirian (substantive motion)? “Substantive motion” mesti mendahului perkara-perkara lain dan dua hari notis. Saya beri tiga hari iaitu hari Jumaat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, buat notis ini pada sekarang juga.

Tuan P. Patto: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak boleh mengambil notis itu dalam pertimbangan sekarang.

Tuan P. Patto: Kalau begini, Tuan Speaker, bolehkah Tuan Speaker berjanji bahawa hari Jumaat ditetapkan untuk perbahasan bersyarat bahawa usul ini memenuhi syarat 43.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak boleh timbangkan perkara ini sekarang—tidak ada kuasa. (*Disampuk*)

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, boleh . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Speaker pun terhad dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Semalam kita dengar “Caesar can do no wrong”. Sekarang notis sudah diberi (*Ketawa*) oleh Yang Berhormat dari Ipoh, tentu Yang Berhormat . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Di bawah Peraturan berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Di bawah Peraturan 43 bahawa kita mahu satu keputusan

sama ada kita boleh dapat satu jaminan bahawa dua hari yang termaktub dalam perenggan itu akan diikuti dan kita boleh ada satu perbahasan atas “substantive motion” untuk mengulangkaji keputusan Speaker pada hari Jumaat. Kalau tidak, apa guna Tuan Yang di-Pertua sendiri mempersilakan semalam, kalau mahu, boleh ada satu usul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat membuat rayuan atau notis ini di bawah Peraturan Mesyuarat 43, “motion” itu perlu dua hari notis minimum.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, hari Jumaat cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa yang kita akan buat dengan ini, tunggulah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tidak boleh tunggu. Kita mahu tetap. Kita mahu ikut “Caesar can do no wrong”. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu kuasa “Caesar” tunjuk yang adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong tidak faham undang-undang, saya pun hairanlah (*Ketawa*), sebab Yang Berhormat itu . . .

Tuan Lim Kit Siang: Bukan hairan—keadilan—“substantive motion”.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat faham atau tidak “Caesar can do no wrong” itu ada makna dalam undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Ada makna. Kita mahu bahawa peruntukan itu dipatuhi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat faham makna itu, tidak payahlah sebut itu lagi. Yang Berhormat, sudahlah . . .

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak mahu "little Caesar". Kita mahu ikut "spirit" atau semangat dan apa yang ada dalam... (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jelaslah Yang Berhormat tidak faham sebutan itu. Yang Berhormat, ini perlu dua hari notis (*Disampuk*). Yang Berhormat telah bagi notis ini, kita akan timbang perkara ini.

Tuan P. Patto: Boleh bagi satu keputusan "conditional" atau keputusan bersyarat bahawa ia boleh dibahas apabila Tuan Speaker berpuas hati ia memenuhi syarat 43?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Selepas dua hari, saya boleh bagi tahu. Selepas dua hari, Yang Berhormat boleh tanya ini.

Tuan P. Patto: Bagaimana kalau 26(1)(m), on a point of order? Bagaimana keputusan Tuan Speaker boleh buat satu ruling?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 26...

Tuan P. Patto: 26(1)(m), saya mahu strangers dikeluarkan daripada Dewan, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah bagi tahu Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat tidak faham ataupun tidak mahu faham. Yang Berhormat, saya telah kata perkara ini satu ruling telah dibuat oleh Speaker, itu kita mesti ikut.

Tuan P. Patto: Kita ikut sehingga ia diterbalikkan dan sekarang boleh reverse decision itu. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak buat reverse. Kalau kita hendak reverse ruling itu, Yang Berhormat, kita beritahu Yang Berhormat. Tetapi sekarang tidak.

Seorang Ahli: Ini little Caesar tidak boleh...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Keenam)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Maksud B. 18 (Jadual)—

Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

3.47 *ptg.*

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, menyambung semula ucapan saya dalam perkara yang saya sentuh pada petang semalam berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama, khususnya dalam bidang Lembaga Nenas Persekutuan Tanah Melayu di mana di akhir ucapan saya, saya telah menyatakan terdapatnya pengeluaran-pengeluaran nenas yang dihasilkan oleh petani-petani di luar bandar yang tidak mendapat perhatian oleh mana-mana pihak. Kerana itu saya menyeru kepada pihak Lembaga supaya memainkan peranan yang lebih aktif bagi meluaskan aktiviti ke

seluruh negara, khususnya kepada pekebun-pekebun kecil nenas di mana juga terdapat di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran yang lain, 00300, mukasurat 76—Rancangan Penanaman Semula Nenas yang diperuntukkan sebanyak \$2.9 juta.

Saya menyeru supaya rancangan penanaman semula ini diambil kira dan diperhatikan khusus kepada penanam kecil dan pekebun-pekebun kecil itu diberikan bantuan-bantuan subsidi, baja sekali gus supaya rancangan penanaman semula ini benar-benar mendapat hasil yang memuaskan dan mendapatkan faedah yang semaksimum oleh petani-petani dan penanam-penanam kita yang mengusahakan perusahaan ini. Di samping itu penanaman semula ini hendaklah dipertingkatkan agar negara ini akan menjadi pengeluar nenas yang terbesar di dunia ini.

Ini juga diharap akan menjadi pengeksport termasuk barangan siap dan pengesanan nenas. Di samping itu, pihak Lembaga juga harus mengadakan penyelidikan bagi menggunakan jenis atau baka nenas yang baik yang boleh mengeluarkan berbagai dan beraneka jenis rasa yang berlainan. Ini rasanya tentulah memerlukan kajian dan penyelidikan oleh Lembaga ini. Sekiranya lembaga ini menjadi kesulitan agak sukar membuat kajian dan penyelidikan, saya syorkan supaya Lembaga ini berurusan dengan MARDI bagi membuat kajian seterusnya di mana kita mahu di masa akan datang kalau MARDI menghasilkan berbagai aneka koko yang mudah tumbuh, subur dan buah yang besar, kita harap di masa akan datang Lembaga Nenas akan melahirkan nenas yang beraneka jenis dan beraneka rasa dan rupa. Kiranya ini tidak dapat dilakukan, saya syorkan eloklah Lembaga ini diletakkan balik di bawah Kementerian Pertanian supaya lebih berfungsi lagi.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . .

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, kuorum tidak cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Setiausaha, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Cukup kuorum. Yang Berhormat dari Sabak Bernam, sila sambung.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi menyambung perbincangan ini saya ingin beralih kepada perkara lain supaya lebih ringkas lagi.

Saya menyentuh perkara Butiran 11100, mukasurat 79-Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit yang diperuntukkan sebanyak \$5.1 juta.

Saya menyarankan supaya Institut ini membuat kajian terus-menerus dan kajian ini hendaklah diteruskan, terutamanya tentang penggunaan minyak ini serta menapis apa juga perkara-perkara yang dibangkitkan atau diutarakan oleh mana-mana pihak, terutamanya usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Amerika, pihak pengusahapengusaha kacang soya yang memburukkan penggunaan minyak kelapa sawit ini dan perkara ini hendaklah dibuktikan kepada dunia bahawa penggunaan minyak ini tidak berbahaya, tidak mendatangkan bahaya kepada kesihatan. Ini perlu dijelaskan. Ini perlu dipertingkatkan dan makluman ini hendaklah diperhebatkan terutamanya apabila saya membaca dari akhbar dua hari yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa usaha sedang dijalankan bagi menggiatkan pemasaran kelapa sawit ini, bukan sahaja kepada negara-negara Eropah dan Amerika, tetapi akan menembusi pasaran-pasaran di Timur Tengah, khususnya negara-negara Islam. Oleh kerana itu penyelidikan kepada penggunaan minyak kelapa sawit ini perlulah dipertingkatkan, terutamanya bagi

menyatakan kesucian, kebersihan minyak ini untuk digunakan oleh negara-negara Islam.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya juga kepada Timbalan Menteri, bahawa apakah telah terjadi kepada usaha-usaha Kementerian ini yang telah membuat kajian sebelum ini yang menyatakan bahawa minyak kelapa sawit boleh menggantikan industrial petrol dan bagaimanakah kedudukan hari ini. Adakah terdapat satu formula baru ataupun penemuan-penemuan baru yang lebih murah, yang boleh menggantikan bahan-bahan yang saya sebutkan tadi. Kalau ada elok juga kita mendengar dan mungkin ini menjadikan satu peluang yang baru, berita baik kepada penanam-penanam kelapa sawit atau pekebun-pekebun kecil kita.

Akhirnya, saya ingin menyentuh kepada Butiran 040200, iaitu Siasatan Galian, mukasurat 74 yang diperuntukkan sebanyak \$6.2 juta.

Saya suka menyentuh soal carigali emas, yang mana satu masa dahulu saya terbaca, Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri menyatakan bahawa di Daerah Perak Selatan, khususnya di kawasan Bagan Datok juga terdapat bahan-bahan galian ini, bahan-bahan emas ini dan bukan sahaja di Rusilla di Terengganu, tetapi di negeri Perak dan kemungkinan juga di negeri Selangor.

Saya suka mencadangkan atau mengesyorkan kepada Kementerian ini kalau mengkaji tentang Bagan Datok, singgah sebentar di Sabak Bernam kerana di sana ada tempat yang satu masa dahulu terkenal satu cerita "Pancang Bedena". Jadi mengikut cerita "Bedena" itu adalah merupakan satu bekas yang besar, yang mengandungi berbagai-bagai khazanah termasuk emas ini. Mungkin ianya juga masih ada lagi, kalau kajian boleh dibuat mungkin kita akan mendapat satu masa nanti Sabak Bernam juga akan mengeluarkan emas dan mungkin "Pancang Bedena" itu akan bertukar corak.

Itulah sahaja pandangan saya dalam membahaskan peruntukan Kementerian

Perusahaan Utama, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.57 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 010000, Program/ Aktiviti 010100...

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Muka surat 73, Butiran 010100, Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya juga ingin merujuk kepada mukasurat 90 dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, yang mana tujuan untuk perbelanjaan ini adalah untuk mencapai faedah yang maksimum kepada negara dari segi pendapatan kepada pengeluar-pengeluar khususnya pekebun-pekebun kecil, K.N.K., peluang pekerjaan dan pendapatan pertukaran wang asing dan di bawah Maksud yang sama, Aktiviti Pentadbiran Am itu adalah terhadap lada hitam, dan saya ingin membangkitkan dasar terhadap lada hitam sebagai hasil utama dari negeri Malaysia.

Tuan Pengerusi, seperti yang semua sudah maklum, lebih daripada 95% lada hitam adalah dikeluarkan dari negeri Sarawak, dan ramai dari mereka yang menduduki di dalam kawasan luar bandar mencari rezeki dengan menanam lada.

Pada satu masa yang dahulu saya masih ingat, sewaktu saya masih orang muda, sekiranya seorang pekebun kecil dapat dua guni lada hitam dia boleh membeli sebuah rumah. Tetapi sekarang memang harganya sudah turun, maka ramai rakyat Sarawak yang menanam lada hitam sekarang menghadapi masalah besar, yang berhubung dengan bank pun ada, yang sudah tukar

untuk menanam sayuran pun ada. Jadi ini sudah menjadi satu masalah besar.

Saya bertanggungjawab untuk membangkitkan satu cadangan khasnya menyeru kepada pihak Kerajaan untuk mengecualikan cukai pengeksportan lada hitam sama sekali. Ini mungkin satu perkara untuk Perbendaharaan, tetapi saya pasti, saya ada keyakinan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang boleh bincang dengan Kementerian Kewangan untuk perkara ini dibangkitkan, sebab sekarang harga untuk mengeluarkan ataupun kos mengeluarkan lada hitam adalah tinggi dari segi tiang berlian yang digunakan, baja yang digunakan dan alat-alat yang digunakan, sebab sekarang ini ia tidak lagi begitu menguntungkan untuk menanam lada hitam bagi ramai anak Sarawak. Masalah ini unik kepada Sarawak sahaja.

Maka saya juga ingin menyeru kepada pihak Kementerian yang berkenaan untuk menyasat kemungkinan menubuhkan ataupun mencari jalan untuk menstabilkan harga lada di pasaran dunia. Adakah kemungkinan untuk menubuhkan satu tabung pusingan khasnya mengadakan satu buffer stock lada. Sekiranya harga lada di antarabangsa turun sedikit, kita ada satu harga yang terjamin untuk membeli lada itu dari pekebun-pekebun kecil ataupun dengan tabung pusingan ini kita boleh dapat mencapai kestabilan untuk menjamin pendapatan minima mereka yang menanam lada. Apabila kegiatan penyelidikan boleh juga mencari bagaimana merawat "pod-rot disease" yang sekarang ini memusnahkan pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak itu, ini pun akan membantu mereka yang menanam lada. Saya harap mungkin oleh sebab lada masih merupakan satu bahan yang baik, mungkin satu hari lagi penduduk-penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia ini dapat diperkenalkan kepada lada sebab kalau harganya baik boleh menguntungkan juga.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada perkara kedua yang saya ingin menumpukan perhatian saya iaitu Butiran O20000 Perhutanan. Oleh sebab perkara ini besar,

saya ingin menyentuh kepada semua subject head bagi Program itu iaitu Dasar dan Pentadbiran, Pengurusan Sumber Hutan, Perancangan dan Perkembangan Perindustrian dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sekarang Malaysia sudah dijadikan tumpuan perhatian antarabangsa sebab kegiatan pembalakan kayu di negeri Sabah dan Sarawak, khasnya di negeri Sarawak. Apabila saya pergi ke luar negeri untuk menghadiri seminar ataupun apabila Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Perusahaan Awar ataupun Perdana Menteri sendiri pergi ke luar negeri, mereka selalu ditanya oleh wartawan antarabangsa, bagaimanakah dengan keadaan pembalakan kayu sekarang, adakah orang Penan memang dihapuskan sebab mereka sudah diugut sehingga mereka akan dihapuskan sama sekali, ataupun sekarang Tropical Rain Forest tidak ada lagi, "ozone layer" akan jatuh, memang saya tahu ada salah fahaman di antarabangsa tetapi ini merupakan satu universal, satu perasaan mereka yang mahu menolong, bukan Sarawak Malaysia, menolong mereka sendiri sebab dari segi alam sekitar kalau Hot Rain Forest ini merupakan "the lung of the world", sekiranya "lung" habis, memang badan habis, semua orang mesti mati. Sebab ini saya tidak bersetuju dengan satu pandangan bahawa orang luar negeri mahu melaksanakan kempen anti-tropical hardwood, semua serupa, Anti Palm-oil Campaign, ini tak sama.

Anti Palm-oil Campaign memang ada motif atau niat yang tidak baik sebab mereka di Amerika Syarikat dan lain-lain tempat mengeluarkan minyak yang bersaing dengan Malaysia tetapi tidak serupa dengan kes kayu. Dalam kes kayu memang ada golongan-golongan, sama ada NGO, kumpulan alam sekitar di Eropah, di Amerika Syarikat, di England dan Jepun yang sudah menyaksikan kesalahan dan kesilapan yang dilakukan oleh negeri-negeri yang sudah maju itu. Maka mereka dengan niat yang baik dan ada kadangkala mendapat maklumat yang salah, tetapi sekurang-kurangnya niat tidak dapat dipersoalkan sebab mereka sendiri pun sudah jumpa

dengan kumpulan itu, Survival International contohnya dan Friends of the Earth, satu contoh lagi. Kita pun mesti balik kepada negeri Sarawak ataupun Malaysia ini sebab penentangan datang daripada penduduk-penduduk yang dikesankan oleh kegiatan pembalakan kayu ini dan penentangan juga datang daripada saya sendiri sebab saya seorang anak Kenyalang, yang berasal dari negeri Sarawak yang sudah menyaksikan dengan mata sendiri bagaimana kesan buruk yang boleh didatangkan kepada alam sekitar. Isu kayu ini memang satu isu yang paling rumit, yang melibatkan ramai pihak khususnya sebab di negeri Sarawak dan Sabah, kebudayaan politik terdiri daripada politik kayu, itu sahaja. Sebab ini saya sendiri rasa mungkin pihak Persekutuan mempunyai niat baik mahu menguruskan sumber hutan di negeri Sarawak dan Sabah dengan baik tetapi susah.

Contohnya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah mengumumkan pihak Persekutuan mahu berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri untuk mengharamkan pengeksporan kayu balak supaya mungkin untuk menggalakkan industri yang berdasarkan kepada kayu. Tetapi dalam perbincangan ini untuk mencari penyelesaian melalui membayar kepada negeri Sarawak dan negeri Sabah pampasan ataupun compensation untuk balance off kerugian yang akan dialami oleh kedua-dua negeri ini sebab tidak dapat mengeksportkan kayu balak ini, ini akan melibatkan satu isu yang besar. Memang saya sendiri harap satu hari akan datang pengeksporan kayu dalam bentuk balak tidak akan dilakukan dari negeri Sarawak dan Sabah lagi. Indonesia sudah mengharamkan, negeri Thai pun sudah mengharamkan tahun lepas sebab mereka sudah dapati bahawa pembalakan kayu sudah menimbulkan masalah banjir di selatan Thailand. Maka masa sudah tiba untuk kita sekarang di Malaysia mempelajari dari kesilapan sejarah di negeri lain untuk kita semua, bukan bagi DAP atau sesiapa, Pembangkang-untuk semua orang Malaysia, menyedari betapa pentingnya sumber hutan kepada negara kita bukan dari segi untuk dapat duit sahaja tetapi dari

segi satu warisan asli, satu hadiah dari Tuhan untuk kita boleh menggunakan sepanjang masa dengan seimbang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya harap perundingan di antara pihak Persekutuan dengan pihak Kerajaan Negeri akan diadakan dengan secepat mungkin, dengan berhasil sebab saya tahu ini masalah suatu sistem politik berpersekutuan, selalu ada masalah dengan bidangkuasa. Kayu adalah di bawah bidangkuasa negeri Sabah dan Sarawak, tetapi untuk menguruskan kayu, ini dijadikan tugas pihak Persekutuan, khususnya di negeri Sarawak dan Sabah, ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional mempunyai vested interest, kepentingan diri, sebab mereka dapat lesen kayu termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, termasuklah Senator Tiong Hiew King, SUPP di Dewan Negara sehingga mereka dapat kekayaan extra nominal, sehingga Senator Tiong mampu beli *Sin Chew Jit Poh* walaupun akhbar itu selalu rugi. Bagaimana dapat pemimpin politik . . .

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut (Ulu Rajang): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Terima kasih. Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyatakan di Dewan ini bahawa Senator Tiong Hiew King ada mempunyai lesen kayu balak di Sarawak dan saya ingin tahu di sini kalau Yang Berhormat dapat memberi nombor lesen yang diberikan kepada Senator Tiong Hiew King.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat bertanya dengan mengatakan Senator itu tidak ada lesen?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tidak faham soalan itu.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Tadi Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyatakan bahawa Senator Tiong Hiew King mempunyai lesen sebagai licencee untuk kayu balak di Sarawak. Saya ingin bertanya di sini, kalau Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada mempunyai bukti nombor-nombor lesen yang dipunyai oleh Senator tersebut di Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, ini di bawah bidang kuasa Negeri, tetapi saya ingin memberi satu maklumat iaitu di dalam negeri Sarawak senarai ataupun daftaran untuk konsesi kayu bukan serupa dengan daftaran tanah dengan bayaran \$2.00 dan dapat itu sebagai public document dan di Sarawak ianya susah sebab ini adalah sedikit rahsia. Tetapi siapa tidak tahu akan "Kumpulan Hijau" yang mana Senator Tiong Hiew King sebagai tauke besar melibatkan diri dalam kayu balak. Bolehkah Yang Berhormat nafikan bahawa dia bukan di dalam industri kayu ataupun you sudah duduk lama dekat Balui River atau Palagus dan sudah tidak nampak apa yang berlaku di Sibu.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Saya faham. Tetapi Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyatakan dalam Dewan ini bahawa seorang Senator dituduh, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa mereka adalah sebagai licencee. Yang saya tahu, Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Senator Tiong Hiew King adalah seorang timber contractor, di mana beliau adalah sebagai seorang dari sebuah company yang terbesar. Jadi, kontraktor dengan "licencee" adalah berbeza. Ini yang saya mahu jelaskan di sini. Licencee adalah satu, kerana licencee meminta hak untuk mengambil kayu balak dan selepas itu terpulung kepada licencee itu untuk memberi kepada kontraktor yang tertentu. Ini cara dagang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, ini saya conceive. Kontraktor adalah lain daripada licencee dari segi teknikaliti undang-undang. Nampaknya Yang Berhormat sendiri yang begitu kenal

dengan mendalam dan berpengetahuan dalam industri kayu, mungkin beliau sendiri memang adalah terlibat. Ada atau tidak? Yang Berhormat ada kayu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, jangan bertanya begitu. Sila teruskan sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau jangan saya tidak tanya, saya tarik balik.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat itu tarik balik.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalannya, kalau tidak, cakap tidak, saya percaya.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Itu sangkaan jahat. Kalau Yang Berhormat ada proof, ada fact . . .

Tuan Sim Kwang Yang: Mana sangkaan jahat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh bertengkar macam itu.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Kalau Yang Berhormat ada proof, boleh soal perkara ini.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, Yang Berhormat Rajang.

Tuan Sim Kwang Yang: Okaylah, susahlah, saya tarik balik. Di luar masih boleh pursue perkara ini. Tuan Pengerusi, Sekiranya mereka mempunyai kuasa politik dalam negeri Sarawak, mengawal sumber hutan, dari segi kuasa untuk mengeluarkan konsesi dan mereka pun memegang konsesi, bagaimana dapat dasar perhutanan negara yang bercadang untuk mengharamkan pengeksporan kayu balak ini dapat mencapai kejayaan. Ini yang saya rasa sedikit risau. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat satu penjelasan. Saya tahu apabila perundingan di antara negeri Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan diadakan, memang kelewatan yang lama selalu dialami. Contohnya, apabila saya berdiri di sini untuk meminta Employment Act, 1965 dilanjutkan kepada negeri Sarawak, sudah banyak tahun, sampai sekarang tidak ada jawapan, sebab interest, sebab pelanggaran kuasa, sebab perimbangan kuasa di antara tahap Kerajaan

Pusat dengan tahap Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya sembahyang kepada Tuhan supaya ini didapati untuk kita menyelesaikan masalah ini. Sebab apa, kerana Sarawak sudah dijadikan, saya ulangi, tumpuan perhatian antarabangsa, kadangkala perhatian yang tidak baik.

Satu organisasi iaitu ITTO (International Tropical Timber Organisation) sudah sampai ke Kuching hari ini yang bercadang untuk berjumpa dengan pihak-pihak tertentu, dengan pihak kontraktor kayu, pihak licencee serta mungkin dengan kumpulan Penan ataupun orang Iban dari Palagus yang sudah dikesan oleh kegiatan pembalakan kayu dan saya pun tahu susah mahu jumpa dengan ITTO's delegates. Saya baru telefon dan apabila saya minta mahu jumpa dengan wakil ITTO, kita diberitahu oleh Pegawai Jabatan Perhutanan untuk "contact Forestry Department", tetapi ia tidak duduk di Pejabat Forestry. Maksudnya, Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi bantuan untuk memastikan siapa sahaja yang mahu jumpa dengan ITTO ini dapat berjumpa dengannya. Baru setengah jam atau satu jam yang lepas, saya diberitahu bahawa 81 orang Penan sudah dibebaskan—walaupun tidak payah bail, mereka dapat pulang. Mungkin ini ada sedikit hubung-kait dengan lawatan ITTO. Maka saya mengalu-alukan mereka ini untuk pergi ke Sarawak 3 kali, satu kali dalam dua minggu, sehingga Februari atau Mac, supaya kita dapat satu laporan mendalam dan menyeluruh untuk Dewan ini, untuk pihak Kerajaan dan juga untuk semua rakyat Malaysia yang mencintai alam sekitar ini meneliti dan menyiasat syor-syor yang akan dibentangkan ataupun diberi oleh ITTO ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, dari segi program perhutanan iaitu latihan perhutanan dan pelajaran perhutanan, adakah satu dasar terhadap pekerja-pekerja kayu, sebab dalam bidang kayu ini kebanyakan daripada mereka yang menduduki kawasan luar bandar, kebanyakan dari mereka adalah

Iban, orang-orang ulu juga. Di sini saya ingin membuat satu penjelasan, sebab ada sedikit kekeliruan termasuk . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita sudah melangkaui setengah hari untuk masuk ke dalam Kementerian yang sama. Kita patut habiskan kelmarin. Sila pendekkan sedikit.

Tuan Sim Kwang Yang: Beberapa minit sahaja lagi. Adakah satu dasar untuk melatih pekerja-pekerja kayu? Setiap tahun lebih dari 100 pekerja-pekerja kayu mati ataupun cedera parah dan pampasan tidaklah cukup. Adakah satu program latihan atau pemulihan untuk mereka dapat kemahiran lain?

Akhirnya—saya tidak mahu membuang masa dan kalau kita terus membahaskan ini tiga hari pun tidak cukup—ingin saya bertanya, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kemungkinan wujud walaupun sudah berlaku di negeri Sarawak, yang mana kegiatan pembalakan kayu dan dasar yang tidak adil itu sudah memberi peluang untuk pihak pengganas komunis di kawasan RASCOM untuk menjadi lebih aktif. Adakah betul bahawa lebih "sightings" sudah dibuat di negeri Sarawak itu, khususnya di Rajang basin, sebab Ketua Polis di kawasan RASCOM sudah memberi amaran kepada "kayu operators" supaya jangan kasi duit, jangan kasi makanan kepada pihak komunis. Sebab memang ada, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan negeri Sarawak, memang sudah berlaku mereka yang terlibat dalam bidang pembalakan kayu itu sudah memberi duit kepada komunis. Mereka cakap "Tidak takut dengan ISA, tetapi takut dengan komunis." Ada atau tidak? Memandangkan bahawa ini sudah menjadi satu isu keselamatan, satu isu kayu, satu isu Penan. Ini bukanlah satu isu negeri Sarawak parochial sahaja, tetapi ini sudah jadi satu isu negara kita. Tuan Pengerusi, ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.19 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan, dari Sabak Bernam dan dari Bandar Kuching yang telah menyentuh beberapa perkara dalam bidang tugas Kementerian saya dan saya akan cuba menjelaskan seberapa boleh perkara-perkara yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyentuh tentang pentingnya kita memelihara hutan negara kita. Sementara Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pula menyentuh tentang perlunya satu dasar perhutanan yang seragam bagi seluruh negara Malaysia. Mengenai perkara ini saya suka menjelaskan bahawa semua negeri di Malaysia ini telah pun menerima pakai Akta Dasar Perhutanan Negara tetapi bagi negeri Sabah dan Sarawak, dasar ini diterima pada prinsipnya. Kedua-dua negeri ini masih belum dapat melaksanakan sepenuhnya dasar tersebut memandangkan keadaan-keadaan yang terdapat di negeri-negeri tersebut, apabila tahap kemajuan di dalam bidang industri perkayuan masih lagi belum dapat ditingkatkan secara memuaskan. Kita berharap satu hari nanti kedua-dua negeri tersebut akan bukan sahaja menerima pakai tetapi melaksanakan sepenuhnya garis-garis panduan yang ditetapkan di dalam dasar yang berkenaan itu.

Perkara mengenai cadangan untuk menghentikan eksport balak telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan juga sebentar tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Saya telah pun menjelaskan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dalam masa perbincangan dasar, tetapi kerana ditimbulkan sekali lagi dalam peringkat Jawatankuasa ini, saya sukalah menambah di sini bahawa pada peringkat ini merupakan satu cadangan yang masih lagi dibincangkan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan setakat ini belum terdapat sebarang keputusan yang muktamad mengenai beberapa perkara termasuk perkara

bayaran pampasan akibat daripada kemungkinan hilangnya royalty yang dipungut oleh Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak hasil daripada penghentian peneksportan kayu balak itu. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa apa juga langkah yang akan diambil mengenai perkara ini, Kerajaan Pusat akan sentiasa mengambil kira kepentingan kedua-dua negeri yang berkenaan dari segi penggantungan mereka terhadap royalty daripada peneksportan kayu balak. Kita juga akan sentiasa mengambil kira kepentingan mereka yang terlibat di dalam industri ini yang telah menanam modal sebegitu banyak seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan juga mengambil kira kemungkinan hilang pekerjaan bagi mereka yang sekarang ini bekerja di dalam bidang tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apa pendirian Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam perbincangan awal ini mengenai cadangan Kerajaan Persekutuan mengenai pengharaman pembalakan untuk eksport dan apa halangan-halangan atau pendirian kedua-dua Kerajaan Negeri ini ada ambil dalam peringkat ini dan adakah Kerajaan Persekutuan sedar bahawa dalam bidang ini di mana boleh dikatakan menjadi punca yang begitu besar untuk korupsi yang bermaharajalela daripada pembalakan sehingga hari ini kita baca dalam suratkhbar, Pengerusi Sabah Foundation dalam wanted list ACA, tentulah akan adakan halangan dan resistance yang kuat. Dalam scenario ini apakah kedudukan dan pendirian yang tertentu Kerajaan Persekutuan, sama ada Kerajaan akan tegas dalam cadangan ini dan apa formula-formula yang akan didapati Kerajaan akan terus melaksanakan cadangan ini dan dalam pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa lama agaknya cadangan ini boleh dilaksanakan—satu tahun, lima tahun, sepuluh tahun atau dua puluh tahun?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, Kerajaan Pusat bukanlah sebuah Kerajaan kuku besi yang sentiasa mahu menjalankan dasarnya ke atas Kerajaan-kerajaan Negeri atas dasar kekuasaan secara mutlak. Kita tidak pernah menggunakan apa yang kita panggil, dengan izin, "big stick" untuk melaksanakan sesuatu cadangan atau dasar. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertimbang rasa sentiasa berlaku adil, kita akan mengambil kira segala masalah yang akan ditanggung oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kerana masalah-masalah yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri akhirnya akan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

Saya tidak menolak kemungkinan kalau sekiranya keadaan ini dibiarkan kepada DAP misalnya maka DAP akan menjalankan kuasa kuku besinya ke atas negeri-negeri dan memaksa dasarnya ke atas negeri-negeri. Ini bukan style kita.

Tuan Lim Kit Siang: Sangkaan jahat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Style Barisan Nasional dan style DAP jauh berbeza (*Tepuk*) dan kalau pihak DAP mahu memaksa Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa bersikap adil ini menjalankan cara-cara DAP, saya minta maaf kepada Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kami tidak akan melaksanakan sistem atau cara yang dibuat oleh DAP (*Tepuk*). Halangan-halangan memang ada. Satu-satu dasar baru yang hendak dilaksanakan mesti ada implikasi dan implikasi inilah yang sedang dibincangkan antara Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Pusat. Pada masa ini adalah terlampau awal untuk saya menghuraikan satu persatu masalah-masalah yang dihadapi, cukuplah kita mengatakan bahawa kita ada masalah dan masalah itu termasuk masalah kewangan. Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak memerlukan wang untuk membangun negeri-negeri mereka untuk kepentingan rakyat mereka dan kalau hasil daripada royalti eksport balak ini terhenti oleh kerana penghentian eksport balak maka alternatifnya perlu dicari dan inilah yang sedang difikirkan sekarang. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia ini suka

berubah-ubah kawasan, kadang-kadang saya lupa kawasan mana yang dia wakili (*Ketawa*).

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP sabar menunggu masa dan kita akan membuat sesuatu dengan cara yang sebaik-baiknya tanpa menyentuh kehidupan ramai orang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya antara pihak Kerajaan dan pihak-pihak di luar Kerajaan termasuk Ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan ini mempunyai satu tujuan iaitu untuk menjamin bahawa hasil daripada hutan kita sebagai apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching sebagai warisan generasi akan datang, sebagai hadiah daripada Tuhan, kita akui ini dan kita pun mengakui tentang pentingnya kita menjaga alam sekitar kita. Deklarasi Langkawi yang kita sendiri initiate, dengan izin, yang kita sendiri turut merangka, yang kita sendiri turut tandatangani dan ditandatangani dalam negeri kita sendiri menjadi suatu bukti bahawa kita adalah committed di dalam usaha-usaha memelihara alam sekitar. Dan sekiranya pembalakan menjadi punca segala masalah environment, alam sekitar negara kita, maka kita akan bersedia untuk mencari di mana kesilapan kita di masa depan dan membetulkan apa yang tidak betul bagi memastikan bahawa environment kita atau alam sekitar kita tidak akan terjejas demi faedah kehidupan rakyat jelata kita. Saya tekankan demi faedah rakyat jelata kita. Malaysia adalah sebuah negara yang terlalu kecil untuk memikul beban menjaga alam sekitar seluruh dunia. Ini adalah suatu perkara yang mustahil dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching berminat mengatakan bahawa Malaysia harus memainkan peranan untuk menjaga suatu kawasan sebagai apa yang disebut tadi, sebagai kawasan penghabisan, kawasan terakhir yang memberi oksigen kepada kehidupan manusia di atas dunia, saya kata Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga harus bertanya kepada negara-negara yang telah dulu menghakiskan hutan mereka sehingga timbul

segala macam masalah yang kita hadapi hari ini.

Apakah kesalahan kesan environment yang kita pikul hari ini harus kita diper-salahkan kepada sebuah negara Malaysia yang kecil, mundur yang rakyatnya miskin, ataupun kita harus mempersalahkan kepada negara-negara besar yang telah menjadi kaya-raya, yang telah menjadi senang-lenang dan menjadi kuasa ekonomi selepas mereka menghapuskan hutan negara mereka dan selepas mereka sendiri membuang sisa-sisa toksid dan sisa-sisa yang merbahaya kepada environment dunia. Saya fikir pemikiran seperti ini sama sekali satu pemikiran yang tidak lojik dan tidak boleh diterima.

Tuan Pengerusi, kita ingin memelihara hutan kita atas dua prinsip. Prinsip yang pertama, memelihara environment—alam sekitar untuk rakyat, negara kita. Prinsip yang kedua ialah supaya hutan itu dapat diwariskan kepada jenerasi akan datang, selama mungkin. Ini tidak berarti kita harus menghentikan sama sekali kerja-kerja mengeksploitasi hasil bumi negara kita. Tidak siapa pun negara di dalam dunia ini yang boleh memberitahu kita bahawa Malaysia harus eksplot atau harus menebang pokok sekian-sekian tahun dan tidak lebih daripada itu.

Ini adalah bumi kita dan hanya kita yang berhak menentukan seberapa banyak hutan yang kita mahu tebang dan terokai. Sebaliknya, kalau kita hentikan sama sekali penebangan hutan dan Malaysia tidak akan dapat satu sen pun faedah daripada hasil hutan dan kerana itu pembangunan negara kita untuk kesejahteraan rakyat akan ter-jejas, rakyat tidak terbela, pembangunan tidak ada, orang yang sama termasuk Ahli-ahli dari DAP adalah orang yang pertama yang akan menyalahkan Kerajaan kerana mengabaikan kepentingan rakyat. Jadi, dalam keadaan demikian, sama ada Ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan ini dan Ahli-ahli bukan Kerajaan di luar dari Dewan ini meletakkan kita dalam keadaan tidak mungkin menang. Kita buat pun tidak betul, kita tidak buat lagi tidak betul. Dalam

keadaan demikian, Kerajaan akan terus

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menjelaskan kepada saya, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam usaha memelihara alam sekitar sebagai perkara yang pertama yang disebutkan tadi dan yang kedua supaya hutan itu dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

Saya bertanya ini kerana saya nampak Ahli-ahli DAP itu tidak faham, sejak dahulu lagi kerja mereka mempersalahkan orang sahaja, yang lain-lain mereka tidak persalahkan. Mereka bingung sedikit ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya telah banyak kali menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, bukan sahaja untuk memastikan pencemaran alam menjadi minima akibat daripada usaha-usaha pembalakan. Saya juga telah menjelaskan banyak langkah Kerajaan yang kita ambil untuk menghutankan semula kawasan-kawasan yang tidak ada hutan, mempokokkan semula kawasan-kawasan yang tidak ada pokok dan membuat langkah-langkah pemulihan kepada kawasan-kawasan hutan yang telah dibalak.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Malaysia merupakan satu daripada sedikit negara dalam dunia ini yang mempunyai hutan yang paling banyak dari segi ratio antara jumlah hutan dengan kawasan yang tidak berhutan. Kawasan hutan di negara kita dari segi hutan "rain forest", dengan izin, berjumlah 65 peratus daripada keseluruhan luas negara Malaysia ini. Tidak banyak negara dalam dunia ini yang mempunyai hutan seluas negara kita. Di samping itu kalau kita campur dengan jumlah hutan yang kita tanam dalam bentuk pokok kelapa

sawit dan juga pokok getah, maka peratusnya meningkat menjadi lebih daripada 70 peratus.

Mungkin Malaysia merupakan negara yang terbanyak mempunyai pokok dalam dunia ini. Apa lagi yang kita hendak? Saya tidak

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Apa yang saya risaukan, tidak ada pokok sama sekali, memang ada pokok-ada hujan, ada pokok. Yang saya risau, kita punya "primary rain forest", dengan izin, hutan rimba akan hilang. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri baca Memorandum dari NGO, seluruh dunia ini, Yang Berhormat akan tahu betapa pentingnya hutan rimba sebagai "gene pool", sebagai farmasi sebab banyak kegunaan belum didapati—penyelidikan belum dijalankan. Sebab ini kita mahu memelihara hutan rimba, kalau tidak semua pokok boleh tumbuh dalam separuh jalan—tidak ada special.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tidak ada perselisihan pendapat antara saya dengan Ahli dari Bandar Kuching dalam hal ini. Kita sedar hutan penting untuk memelihara environment, untuk memberi oksigen kepada manusia, untuk memberi hujan kepada negara kita-kita sedar, tetapi masalah yang timbul sekarang ialah berapa banyak pokok harus ditebang, atau kita tidak tebang sama sekali? Orang yang menulis laporan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin tidak mengerti sepenuhnya "characteristic", dengan izin, Tuan Pengerusi, keadaan hutan tropika yang boleh dengan mudahnya selepas 10 atau 15 tahun selepas diterokai dan pulih menjadi hutan tropika yang boleh mengeluarkan oksigen, boleh mengeluarkan "rain forest" dan sebagainya.

Keadaan hutan kita berlainan dengan hutan di negara-negara sebelah berhawa dingin. Apabila ditebang hutan-hutan itu

maka hutan tidak akan tumbuh lagi dan tanah itu akan menjadi tandus. Sebaliknya di Malaysia dan di negara-negara tropika, apabila kawasan hutan itu ditebang sekalipun dengan bersih, selepas 20 tahun kawasan itu akan menghidu menjadi rimbun—menjadi belukar dan akan menjadi hutan kembali. Inilah perbezaan perwatakan hutan antara hutan kita dan hutan di negara-negara Eropah yang tidak dimengerti oleh ramai orang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya tidak bermaksud bahawa kita berhenti membalak kayu sama sekali yang lagi baik kita membangunkan industri berdasarkan kepada kayu dengan "selective logging", tetapi ini dasar Kerajaan—saya faham. Saya sedar bahawa "sustained yeild" adalah dasar Kerajaan, tetapi adalah dijadikan satu masalah besar di antara dasar yang dirumuskan dengan pelaksanaan sebab dalam hutan besar dalam kawasan pendalaman tidak ada pegawai perhutanan yang mencukupi untuk memeriksa bagaimana, berapakah pokok telah ditebangkan dan bagaimanakah ini akan dijual—tidak ada control sebab ini menjadi suatu masalah besar sebab ada tempat yang tidak dipedulikan dasar yang sudah dirumuskan serupa ini—ini mana ada "selective logging"?

Tuan Pengerusi saya boleh bawa pergi ke Sarawak, tengok sudah menjadi "waste land", sebab ini kita mesti kuat bekerja lagi dengan kerjasama dari Kerajaan Negeri.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, kalau kita tidak berkelahi tentang dasar, maka kita ada titik pertemuan tentang soal enforcement. Maka soal enforcement masih boleh kita bincangkan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kawasan yang menjadi tandus oleh kerana usaha pembalakan, saya tidak percaya usaha pembalakan boleh menyebabkan satu kawasan itu menjadi tandus (barren), tidak boleh tumbuh pokok. Di Malaysia ini tidak mungkin berlaku keadaan seperti itu, kecuali gambar yang tunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu adalah bekas kawasan yang sebenarnya bukan

diterokai oleh pembalok tetapi satu kawasan yang sudah dibersihkan, ditebang, dibakar oleh kumpulan-kumpulan yang mengamalkan pertanian secara berpindah-randah. Kalau betul gambar itu tunjukkan di sini, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Ini sebenarnya menjadi punca masalah terbesar kerosakan bagi hutan-hutan di negeri Sarawak, iaitu kerana amalan pertanian secara berpindah-randah oleh orang-orang yang mendiami yang hidup berpindah-randah di dalam hutan. Malangnya inilah orang-orang yang hendak dilindungi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP supaya kekal di dalam hutan dan supaya terus merosakkan kawasan hutan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Kalau begini gayanya, Tuan Pengerusi, saya tidak habis menggulung hari ini.

Tuan Pengerusi: Lepas ini jangan benarkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Sedikit, dua minit. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar seorang pakar, iaitu Evelin Ong dari Pulau Pinang ada membuat satu siasatan membandingkan hakisan tanah yang diakibatkan dari pembalakan kayu dengan hakisan tanah yang diakibatkan daripada "shifting cultivation" yang sudah membuat laporan bahawa pembalakan kayu membawa kesan yang lagi buruk dari segi memandangkan hakisan tanah ini. Adakah Yang Berhormat baca, cuba sahaja.

Dato Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, itu adalah soal opinion. Malaysia ini mengamalkan negara bebas dan kita tidak berhak untuk menghalang opening orang lain daripada diterbitkan. Kalau kita mengamalkan dasar otokrasi, artikel itu tidak dapat diterbitkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah Yang Berhormat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat nanti. Yang Berhormat beri jalan?

Dato' Alias bin Md. Ali: Sekali lagi boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah pegawai-pegawai ataupun lembaga tertentu membuat satu penyelidikan bagaimana pembalakan kayu sudah menghakiskan tanah, mencemarkan sungai di negeri Sarawak sehingga kehidupan liar diugut dan kehidupan penduduk-penduduk tempatan sudah jadi paling susah seperti Penan. Adakah satu penyiasatan dibuat atau laporan tertentu atau kertas kerja? Jika ya, bolehkah bebaskan kepada saya, saya mahu baca.

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Pengerusi, kalau saya mengatakan laporan itu ada, Yang Berhormat dari Bandar Kuching mengatakan laporan ini tidak tepat. Tetapi saya boleh memberi jawapan begini. Saya sendiri pernah pergi ke kawasan hutan-belantara di mana pembalakan sedang berlaku di dalam hutan Sarawak dekat Gunung Mulu dan tinggal di sana beberapa malam. Yang Berhormat dari Bandar Kuching saya percaya tidak pernah sampai ke situ. Saya melihat sungai yang dikatakan cemar, tidak ada ikan hidup, ini semuanya tidak benar. Benar ada air sungai yang jernih dan ada air sungai yang keruh. Di kawasan yang tidak ada pembalakan pun ada sungai yang keruh dan ada sungai yang jernih. Tetapi kalau sungai yang keruh itu dikatakan tidak boleh hidup ikan, ikan mati dan binatang-binatang mati kerana usaha pembalakan, ini adalah satu dakwaan yang "exaggerated", dengan izin, yang dibuat secara melampau-lampau. Saya boleh terima dakwaan Ahli Yang Berhormat kalau Ahli Yang Berhormat boleh membuktikan bahawa Ahli Yang Berhormat pernah tidur di dalam kawasan-kawasan pembalakan selama beberapa malam di kawasan-kawasan yang banyak orang tak sampai, tetapi Yang Berhormat belum, bukan?

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya ingat cukuplah. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan tanya macam itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya ingat cukuplah itu, sudah banyak sangat saya beri peluang. Saya try to be a gentleman,

dengan izin, tetapi kalau sudah banyak sangat, saya tidak akan dapat habiskan.

Tuan Pengerusi: Try, sudahlah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, masalah pertama yang dekat sekali dengan hati Kerajaan ialah kita harus menjimatkan balak yang ada di dalam hutan sebagai sumber asli dengan tujuan apabila kita dapat panjangkan proses pembalakan dan tinggalkan balak itu sebanyak mungkin kepada generasi yang akan datang. Dari segi ekonominya kita telah melihat faedah-faedah daripada pengeluaran bahan-bahan yang siap berasaskan kayu. Misalnya sebagai contoh, dalam tahun 1988 meskipun Malaysia mengeksport sebanyak 26.3 juta meterpadu kayu-kayan berbanding dengan 27.9 meterpadu dalam tahun 1987, namun nilai eksport yang diperolehi adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak \$7 billion berbanding dengan \$6.8 billion pada tahun 1987. Peningkatan nilai eksport ini berpunca daripada pertambahan eksport kayu yang sudah diproses, iaitu seperti kayu gergaji, papan lapis, veneer dan kayu kumai dan ini menunjukkan dengan jelas bahawa sekalipun kita mengeksport sejumlah kayu yang kecil dari segi volumenya, tetapi dari segi valuenya pendapatan negara tidak pula kurang.

Dasar Pelan Induk Perindustrian yang memberi penekanan kepada industri hiliran adalah selaras dengan usaha-usaha yang sedang dibuat dengan mengurangkan penggunaan bahan-bahan hasil dalam bentuk bahan mentah dan sebagainya kita harus berusaha untuk meningkatkan mutu barangan sudah siap yang mempunyai nilai tokok yang tinggi. Langkah mengurangkan eksport bahan mentah ini adalah juga sejajar dengan kehendak Kerajaan bagi menjamin sumber hutan yang berterusan dan berkekalan untuk generasi akan datang, seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga menyentuh tentang isu kaum Penan dan lain-lain kaum Asli. Saya telah jelaskan banyak kali dalam Dewan yang mulia ini, namun begitu mereka

tak puas hati, saya perlu tambah juga. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa isu pembalakan dan isu kaum Penan dan lain-lain kaum Asli yang hidup dalam hutan adalah dua isu yang berlainan sama sekali. Isu kaum Penan dan isu kaum Asli adalah isu kemiskinan dan cara untuk mengatasi masalah ini haruslah diselesaikan dengan cara bagaimana kita mengatasi masalah kemiskinan. Caranya ialah kita perlu membawa mereka keluar daripada hutan. Ini cara Kerajaan. Saya tahu DAP tak berkenan dengan dasar ini. Mereka mahu orang ini duduk dalam hutan menjadi orang hutan selama-lamanya. Tetapi Kerajaan berfikir kita perlu membawa mereka keluar ke kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan asas disediakan, kemudahan perubatan disediakan, peluang pekerjaan dapat diberi, peluang latihan dapat diberi kepada anak-anak mereka dan sebagainya supaya dapat mereka hidup berdiri di atas kaki sendiri.

Saya terkejut sebenarnya, Tuan Pengerusi, ada orang mengatakan bahawa hutan itu merupakan tempat yang sesuai untuk manusia hidup. Pada pendapat saya hutan hanya sesuai untuk tempat binatang liar hidup. Hutan sesuai untuk nyamuk yang membawa malaria hidup. Dua perkara; penyakit dan bahaya. Tidak ada manusia yang boleh hidup sempurna hidup dalam hutan. Tetapi kalau ada orang yang "insist", dengan izin, bahawa hutan itu tempat yang baik untuk kehidupan manusia, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bawa keluarga masing-masing buat rumah tinggal dalam hutan. (*Tepuk*) Saya hendak tengok berapa tahun, berapa bulan Ahli-ahli Yang Berhormat itu boleh tahan duduk dalam hutan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. . .

Tuan Sim Kwang Yang: Saya membuat satu jemputan, cari satu hari datang dengan saya Yang Berhormat sendiri, kedua-dua pergi boleh enjoy, syok. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak boleh bercakap macam itu sebelum mendapat kebenaran.

Tuan Sim Kwang Yang: Itu satu hujah yang kurang civilised.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, tidak boleh macam itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tak beri jalan, patut dia tidak boleh cakap.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tetapi satu perkataan yang amat menarik apa yang disebut, "syok duduk dalam hutan".

Adakah Yang Berhormat tahu bahawa kaum Penan yang duduk dalam hutan, hidup dalam hutan kerana terpaksa hidup dalam hutan. Keadaan mereka kurus, berkudis, lapar. Anjing yang mereka pelihara tinggal tulang dan kulit kerana tidak ada makanan. Syokkah itu?

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. . .

Dato' Alias bin Md. Ali: Kalau itu satu penghidupan yang syok. . .

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah Yang Berhormat tahu mereka begini sebab mereka telah terpaksa oleh pembalok kayu, bukan mereka sendiri buat itu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta kebenaran dahulu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, tidak ada siapa memaksa mereka hidup di dalam hutan. Orang-orang yang memaksa mereka hidup dalam hutan dan menggalakkan mereka hidup di dalam hutan dan menjadi miskin. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak beri jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Oh! Ini lain story.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya ingat sudah cukup saya beri jalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Dalam Malaysia ini ada dua orang sahaja jenis yang boleh duduk dalam hutan. Satu ialah terrorists, pengganas-pengganas komunis dan satu lagi kaum Penan. Kaum Penan tidak ada siapa dalam Malaysia ini yang menggalakkan mereka hidup dalam hutan dan berada dalam kemiskinan dan kemunduran, kecuali daripada DAP. (*Tepuk*) Kerajaan tidak memaksa mereka duduk dalam hutan. Kerajaan mahu mereka keluar daripada dalam hutan, masuk dalam masyarakat biasa dan. . . .

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Minta jalan, berikah tidak?

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak ada masa, Tuan Pengerusi. Dia baru masuk, dia tidak dengar pun apa yang saya cakap. . . .

Dr Chen Man Hin: Saya dengar, tahu. . . .

Dato' Alias bin Md. Ali: . . . macam mana tidak buat interruption. Duduk!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Dr Chen Man Hin: Dengar dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat! Yang Berhormat! Jikalau tidak beri jalan, tidak beri jalanlah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ya, saya tidak beri jalan. Ahli Yang Berhormat itu tidak berminat pun dengan apa yang saya jawab. Masuk-masuk cuba hendak buat soalan dan sebagainya. Tuan Pengerusi, kerana itu asas masalah, punca masalah, punca masalah kaum Penan dan kaum Asli yang tinggal dalam hutan adalah masalah kemiskinan yang harus diselesaikan secara kita membasmi kemiskinan.

Ahli Yang Berhormat dari DAP sesungguhnya membuat jasa dan khidmat yang besar kepada negara dan kepada kaum Penan. Kalau mereka sanggup pergi ke

dalam hutan dan memujuk kaum Penan supaya keluar menyahut seruan Kerajaan keluar ke bandar-bandar, ke pekan dan ke pinggir-pinggir pekan, di mana kemudahan-kemudahan disediakan untuk mereka, inilah yang telah dibuat. Sebenarnya telah banyak dibuat untuk memperbaiki kehidupan kaum Penan ini. Dahulunya seluruh orang ini duduk dalam hutan, tetapi sekarang tinggal kira-kira 200 orang daripada jumlah ber-puluh ribu orang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah menyentuh mengenai beberapa penyelewengan yang berlaku dalam perusahaan kayu-kayan di Sabah. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga telah menyebut tentang soal-soal enforcement dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan bahawa soal-soal yang disebutkan itu adalah berada dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membuat laporan-laporan mengenai penyelewengan yang kononnya berlaku seperti soal under declaration, dengan izin, dan sebagainya, Ahli-ahli Yang Berhormat itu bolehlah membuat laporan kepada agensi-agensi tertentu supaya tindakan-tindakan dapat diambil. Saya percaya kalau ada asas di atas tuduhan-tuduhan Yang Berhormat itu, pihak-pihak yang berkenaan sudahpun, sedang dan akan mengambil tindakan.

Saya masih lagi berada di dalam pembalakan. Saya ingin menjawab point yang penghabisan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, suatu tuduhan yang amat serius yang menyentuh keselamatan negara. Beliau membuat tuduhan bahawa ada pekerja-pekerja balak atau taukeh-taukeh balak telah memberi duit kepada pehak komunis di Sarawak. Ini adalah satu tuduhan yang berat dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching adalah seorang bertanggungjawab yang dapat membuktikan tuduhan itu. Kalau beliau mempunyai bukti dan mempunyai nama siapa yang membuat kerja-kerja macam ini, saya harap Yang Berhormat dapat membuat laporan kepada . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya menghormati keputusan Tuan Pengerusi supaya percepatkan ucapan saya, kerana itu tidak payahlah. Kalau Yang Berhormat ada maklumat nama orang, bila kejadian berlaku, di tempat mana kejadian berlaku, dan ada bukti saksi dan sebagainya, Yang Berhormat patutlah membuat laporan kepada pihak yang berkuasa keselamatan Negeri Sarawak untuk membuktikan bahawa Yang Berhormat adalah seorang yang bertanggungjawab dan kasih sayang kepada negaranya. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kerajaan Pusat akan mengambil apa juga langkah yang wajar termasuk mengenakan ISA terhadap sesiapa juga yang membantu pengganas-pengganas komunis di dalam hutan, baik mereka pekerja balak, pekerja apa sahaja, tidak kira kedudukan, di mana kejadian itu berlaku. Kalau Yang Berhormat itu tidak mahu mengurus sendiri dengan pihak agensi-agensi keselamatan, maklumat itu boleh diserahkan kepada saya supaya saya boleh serahkan kepada rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli telah menimbulkan perkara koko. Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah membangkitkan masalah isu-isu yang menghadapi perusahaan koko pada masa ini. Saya ingin menjelaskan pada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Koko Malaysia baru sahaja dibentuk dan baru sahaja berfungsi tidak sampai enam bulan. Masih banyak kerja yang perlu dibereskan untuk membolehkan Lembaga ini berfungsi secara berkesan. Saya akui bahawa pasaran koko pada masa ini agak lembab dan harganya tidak begitu baik. Ini bukanlah kerana kesalahan kita atau kecuaiannya kita. Jauh sekali daripada kecuaiannya kita. Jauh sekali daripada kecuaiannya pihak Lembaga ini. Koko Malaysia memang dikenakan diskaun di terminal London, tetapi apa yang kita buat sekarang ini ialah menggalakkan pengeluaran-pengeluaran koko kita jangan menjual melalui terminal London atau lain-lain terminal. Kita galakkan mereka menjual

terus kepada pengguna-pengguna untuk mengelakkan daripada dikenakan diskaun.

Untuk mengatakan mutu koko Malaysia agak kurang tinggi dengan koko yang dikeluarkan di negara-negara Afrika pun tidak tepat. Masalah sebenarnya bukanlah masalah mutu, tetapi masalah citarasa. Orang Eropah itu sudah biasa dengan rasa koko yang dikeluarkan di negara Afrika dan kerana itu mereka menganggap koko Malaysia ini rasanya lain dan kerana itu mereka kata kalau hendak jual juga harganya murah. Keadaannya sama macam rasa ayam, antara ayam kampung dengan ayam biasa yang dapat di pasar. Ayam kampung pada kebanyakan orang lebih sedap dan kerana sedap, mereka sanggup bayar harga lebih daripada ayam yang terdapat di pasaran-pasaran. Koko pun begitu juga. Satu hari kita harap citarasa ini akan berubah dan mungkin pada ketika itu mereka beranggapan koko Malaysia ini rasanya lebih sedap daripada koko yang dikeluarkan oleh Afrika.

Tuan Pengerusi, Lembaga Koko ini akan terus bekerjasama dengan MARDI dan juga pusat Penyelidikan Koko di Sabah untuk mencari jalan bagaimana kita boleh menyediakan atau memperbaiki mutunya, memperbaiki saiz bijinya, memperbaiki kandungan lemaknya dan supaya kita dapat setanding dengan, kalau tidak pun melebihi koko yang dikeluarkan di negara-negara Afrika.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah menimbulkan masalah penggredan yang sekarang ini menurutnya dijalankan oleh FAMA yang tidak begitu disukai oleh pengeluar-pengeluar koko. Sebenarnya perkara ini sudahpun diambil tindakan oleh Lembaga ini. Tujuan kita pada masa hadapan ialah untuk menyeragamkan sistem penggredan koko ini, supaya tidak lagi ada sistem penggredan secara private, secara FAMA dan secara yang sentiasa becangah sekarang ini. Tujuan kita ialah supaya ada satu sahaja sistem penggredan dan ini sedang difikirkan macam mana hendak melaksanakan penggredan secara bersepadu ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan bersabarlah sebab akan sampai masanya untuk kita dapat menyiapkan kerja-kerja ini tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh perkara kesusahan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha koko khususnya di Sabah kerana pinjaman-pinjaman tak dapat dibayar dan institusi kewangan sentiasa memburu mereka kerana tak dapat membayar mengikut jadual. Sebenarnya pihak Lembaga ini telah pun mengadakan perbincangan-perbincangan dengan institusi kewangan untuk bank-bank supaya dapat dijadualkan semula pembayaran kepada pinjaman-pinjaman yang dibuat memandangkan harga koko sekarang ini agak rendah, supaya dengan penjadualan semula itu dapatlah pengusaha-pengusaha koko ini bernafas agak lega sedikit.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah membangkitkan soal kenapakah ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia ini diletakkan di Kota Kinabalu dan tidak di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam, sebenarnya amalan seperti ini bukanlah satu perkara yang luar biasa di Kementerian Perusahaan Utama. Ibu pejabat Lembaga Tembakau Negara, contohnya, terletak di Kota Bharu kerana negeri Kelantan banyak menanam tembakau. Ibu pejabat Lembaga Perusahaan Nenas pula terletak di Johor Bahru kerana banyak nenas ditanam di negeri Johor. Begitu juga Jemaah Pemasaran Lada Hitam ditempatkan di Kuching kerana negeri Sarawak banyak menanam lada hitam. Jadi, tidaklah merupakan suatu perkara yang ganjil untuk kita menempatkan ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia ini di Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, Lembaga ini memang ada mempunyai cadangan-cadangan untuk membuka cawangan-cawangannya di semua negeri iaitu di Sarawak dan Semenanjung dan tunggu sahajalah masanya sehingga dapat kita menunaikan hajat Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya kita mengadakan kawalan harga seperti juga Lembaga Padi dan Beras

Negara (LPN) membuat kawalan harga bagi beras. Antara beras dan koko ada jauh perbezaan. Koko kita bukan makan sendiri, koko kita jual di luar negeri, dieksport keluar negeri, sedangkan beras kita kawal kerana kita semua memakan seluruh hasil beras yang kita keluarkan dalam negara kita. Kalau kita tak kawal, harga mungkin naik dan sebagainya dan rakyat akan menghadapi kesusahan. Kalau kita kawal pula harga koko atau bagi menentukan harga koko yang dibeli, bererti kita memberi subsidi kepada pembeli-pembeli koko di luar negeri dan kalau kita memberi subsidi harga seperti ini, maka akan timbul berbagai-bagai sekatan tarif dan bukan tarif yang akan dikenakan oleh negara-negara pengimport. Oleh kerana itu, pasaran harga koko akan terus menerus tertakluk kepada permintaan dan bekalan dan fluctuation, dengan izin, harga ini bergantung kepada banyak mana stock yang ada di dalam dunia ini. Pada masa ini, stock koko di pasaran dunia masih tinggi dan kerana itu harga koko rendah. Pada suatu masa kelak stock mungkin akan turun dan harga akan naik.

Mengenai perusahaan nenas, memang perusahaan nenas, Tuan Pengerusi, malap. Saya mengakui keadaan ini. Sekarang ini kita cuma boleh mencapai nilai eksport nenas \$55-\$56 juta setahun. Kita masih tidak berpuas hati dengan pencapaian angka ini. Dengan izin, it does not justify the existence of the Lembaga, iaitu dengan menghasilkan export value sebanyak lebih \$50 juta tan itu. Dan matlamat kita ialah untuk menghasilkan nilai eksport sebanyak \$100 juta setahun. Maka dengan itu, langkah-langkah telah diambil untuk memperluaskan lagi kawasan tanaman nenas. Kalau sekiranya ada negeri-negeri yang berminat untuk menanam nenas, beri tanah kepada kita, kita boleh usahakan, mencari pengusaha-pengusaha dan kita boleh cari orang yang hendak membuka kilang. Sebab pasaran nenas ini tidak ada halangan, tidak ada masalah. Setakat ini kita bukan memberikan keutamaan . . .

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Ahli dari Nibong Tebal bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Alias bin Md. Ali: Satu sekali bolehlah.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Lembaga Nenas ini bersedia menimbang memberi kelengkapan kepada kilang-kilang yang lain selain daripada yang ada di Johor untuk meningkatkan nenas untuk eksport.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, boleh tidak ada masalah. Kalau ada bekalan bahan mentah yang cukup, tidak ada halangan untuk kita memberi kebenaran mendirikan kilang.

Tuan Pengerusi, kembali saya kepada persoalan sebentar tadi, kita sedang mencari jalan untuk memperluaskan tanaman nenas ini dan kita juga sedar hakikat bahawa kita sekarang ini hanya menumpukan perhatian kepada negeri Johor, bukan bererti kita memberikan keistimewaan kepada negeri Johor Darul Takzim untuk tanaman nenas. Yang sebenarnya negeri-negeri lain tidak ada minat hendak menanam nenas, kerana tidak ada tanaman, tidak ada kilang. Kalau ada negeri lain ada minat untuk menanam, kita boleh usahakan kilangnya.

Dan mengenai bantuan-bantuan. Bantuan-bantuan yang diberi adalah banyak kepada pekebun-pekebun kecil nenas ini dan bukanlah maksud saya untuk menghuraikan satu persatu mengenai. Maklumat mengenai bantuan-bantuan berkaitan itu semuanya boleh didapati di dalam brochures yang disediakan dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam berminat, saya boleh menghantarkannya.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam bertanya tentang apa yang dibuat oleh PORIM sekarang ini. Saya telah banyak kali menjelaskan kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan oleh PORIM termasuk penyelidikan yang dijalankan di luar negeri

untuk memastikan benar dakwaan kita bahawa minyak kelapa sawit kita mempunyai mutu dan khasiat yang baik untuk kesihatan.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat juga berkenaan dengan kajian terhadap disel, pada masa ini "palm diesel" ini masih lagi dalam peringkat kajian dan kajian-kajian ini meliputi aspek-aspek tertentu misalnya tentang kesan bahan tersebut terhadap kenderaan dan juga masalah-masalah lain seperti karat dan sebagainya yang perlu diselesaikan. Tiap-tiap satu aspek teknikal ini perlu dikaji dengan menyeluruh supaya disel yang kita gunakan kelak dijamin tidak akan merosakkan enjin, jentera, dan dengan demikian pengguna-pengguna akan tidak hilang kepercayaan terhadap penggunaan diesel ini.

Saya kata usaha-usaha ini atau kajian ini perlu mengambil masa yang panjang. Lagi banyak masa diambil lagi puas hati kita, lagi ada kemampuan dan viability untuk projek ini dihasilkan secara komersial pada masa depan.

Tuan Pengerusi, saya telah cuba menyentuh perkara-perkara pokok yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh dan tidak sempat saya sentuh dalam penggulungan ini, saya akan mengambil perhatian dan sekiranya perlu akan mengambil tindakan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$87,395,600 untuk maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$87,395,600 untuk Maksud B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$94,405,250 yang disebutkan dalam Maksud P.18

dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$94,405,250 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.19 (Jadual)—

Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.19 dan P.19 di bawah Kementerian Pertanian, terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.11 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, terima kasih . . .

Tuan Pengerusi: Orang lain tidak berterima kasih. (*Ketawa*)

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada tajuk perbelanjaan di bawah Kementerian Pertanian, muka surat 84, Butiran 07000 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), 08000 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), 10000 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan muka surat 86 di bawah Butiran 00900 Projek Pertanian yang lain: (01) Subsidi Baja Padi; dan muka surat 88 bawah Butiran 02600 Kemudahan-kemudahan Keselamatan Tanaman dan 02800 Kemudahan Perkhidmatan Perkembangan.

Tuan Pengerusi, pada 16hb yang lalu di atas soalan yang saya telah kemukakan pihak Kerajaan melalui Setiausaha Parlimennya menjawab bahawa Kerajaan tidak bercadang pada masa ini untuk mengadakan satu skim perlindungan insurans kepada hasil-hasil pertanian di negara ini, dengan memberi alasan-alasan yang begitu banyak sekali. Saya anggap, Tuan Pengerusi, sungguh pun ada masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak penggubal dasar untuk

mengadakan satu skim ini saya rasa Kerajaan patut memberi pertimbangan sekali lagi supaya pihak petani-petani, penternak-penternak dan juga pihak penanam-penanam tembakau dapat diberi perlindungan jika sekiranya ada satu skim perlindungan insurans.

Bagaimana kita sedia maklum, petani-petani sering kali menjadi mangsa kepada bencana-bencana alam yang semula jadi seperti banjir, kemarau serangan-serangan musuh tanaman dan lain-lain lagi sebab yang ada kaitannya dengan iklim dalam negara kita ini. Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengadakan satu skim perlindungan insurans kepada hasil-hasil pertanian di dalam negara kita ini.

Dalam jawapan yang telah pun diberi oleh pihak Setiausaha Parlimen pada 16hb yang lalu, salah satu daripada sebab yang diberi oleh pihak Kerajaan skim perlindungan insurans ini tidak dapat dijalankan pada masa ini ialah oleh sebab keadaan pertanian di negara ini dijalankan secara kecil-kecilan dan bertaburan di seluruh negara.

Sungguhpun begitu, Tuan Pengerusi, ada banyak skim-skim pertanian di dalam negara kita ini yang mana kita dapati satu-satu skim itu mengandungi satu-satu kawasan yang luas sungguhpun diusahakan secara kecil-kecilan oleh seseorang petani individu. Misalannya di kawasan Perairan Muda atau kawasan MADA begitu juga di Kemubu atau KADA kita dapati kawasan tanaman padi misalannya kalau kita ambil satu tanaman, tanaman padi sebagai asas perbincangan kita, kita dapati kawasan-kawasan ini adalah amat luas sekali untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan supaya diadakan satu skim perlindungan insurans kepada kawasan tersebut. Misalannya, Tuan Pengerusi, di kawasan MADA kita dapati ada 97,000 hektar kawasan yang telah ditanam dengan padi yang bersamaan dengan 240,000 ekar kawasan padi. Jadi, jika sekiranya kawasan yang luas sebegini dapat dibuat permulaan untuk mengadakan satu skim perlindungan insurans pada hasil tanaman sudah tentulah skim

ini adalah satu skim yang boleh dijalankan iaitu satu skim yang feasible, dengan izin.

Kawasan MADA, mengeluarkan hasil tiap-tiap tahun daripada hasil padi ini ialah sebanyak 775,000 tan padi pada satu tahun. Dan jumlah wang yang terlibat ialah sebanyak \$514 juta satu tahun. Ini, adalah satu angka yang begitu besar sekali bahkan inilah satu sumbangan yang besar oleh pihak petani-petani di dalam negara kita ini khasnya di dalam kawasan MADA untuk menyelamatkan pertukaran wang asing tiap-tiap tahun kepada negara.

Jadi, oleh sebab itu saya rasa selain daripada kemudahan-kemudahan yang lain yang telah diberi oleh pihak Kerajaan seperti subsidi baja, subsidi harga padi begitu juga kemudahan-kemudahan kredit kewangan maka saya rasa satu lagi yang perlu diberi pertimbangan oleh Kerajaan ialah perlindungan insurans ataupun satu skim ganti rugi atau satu tabung khas bagi melindungi hasil-hasil pertanian pak tani. Kawasan-kawasan seperti ini adalah sesuai bagi skim yang saya cadangkan oleh sebab dari segi kajian, kita dapati ini menepati syarat-syarat yang diperlukan untuk mengadakan satu skim seumpama ini.

Yang pertama, ini adalah satu kawasan yang boleh menjadi satu kawasan contoh dalam tanaman padi ini yang boleh mengadakan ciri-ciri yang sama yang terdapat dengan kawasan-kawasan padi yang lain.

Keduanya, dari segi kerugian yang dialami oleh pihak petani oleh sebab bencana-bencana yang saya sebutkan tadi seperti banjir, kemarau, serangan musuh-musuh tanaman, tidaklah begitu tinggi untuk diberi kemudahan perlindungan oleh mana-mana syarikat insurans.

Ketiganya, sudah tentulah jika adanya satu skim seumpama ini pihak petani-petani sendiri akan menyambut dengan baik dan akan menerima hasrat Kerajaan untuk memberi perlindungan kepada mereka.

Keempat, kawasan seperti MADA ini sudah tentu dan sudahpun ada kemudahan-kemudahan pentadbiran untuk menyelenggarakan satu skim insurans.

Kelima, oleh sebab skim ini dikelolakan oleh sebuah Lembaga sudah begitu lama, saya kira sudah pun masuk 20 tahun skim ini berjalan, maka kawasan ini mempunyai rekod-rekod yang tepat berkenaan dengan penanaman padi, berkenaan dengan bilangan petani-petani yang terlibat, begitu juga dengan rekod-rekod berkenaan dengan bencana-bencana dan kerugian yang ditimpa dalam masa tersebut.

Tuan Pengerusi, lagi satu sebab yang telah diutarakan oleh pihak Kerajaan supaya ini tidak dapat dijalankan dalam sedikit masa ini ialah, kalau skim ini dijalankan maka premium yang dikenakan atas insuran dalam keadaan begini adalah satu kadar yang tinggi. Ini telah pun diberi jawapan oleh pihak Kerajaan. Memanglah benar kalaulah kita meletakkan beban untuk membayar premium yang tinggi ini kepada petani-petani yang kecil yang mengerjakan kawasan-kawasan sawah yang tidak begitu besar dan pendapatan mereka yang tidak begitu banyak, maka sudah tentulah mereka tidak mampu untuk mengadakan skim insuran seperti ini.

Walau bagaimanapun, oleh sebab saya sebutkan daripada awal-awal lagi, Kerajaan hendaklah mengambil dayausaha ini dan bertanggungjawab kepada petani-petani, maka saya mencadangkan juga supaya sebahagian besar daripada premium kalau diadakan skim ini, hendaklah dipikul oleh pihak Kerajaan sendiri dan yang lainnya dipikul oleh pihak petani dan agensi-agensi seperti Pertubuhan Peladang, Bank Pertanian sendiri dan juga kalau dilibatkan dengan penanaman tembakau, tentulah juga pengawit-pengawit dan yang lain-lain jika terlibat dengan binatang-binatang ternakan.

Tuan Pengerusi, untuk menekankan betapa seriusnya bencana-bencana yang dihadapi oleh pihak petani-petani ini, saya ingin memberi sedikit angka-angka dalam masa 10 tahun di dalam kawasan Perairan MUDA iaitu pada tahun 1978 oleh kerana kekurangan air di ampangan PEDU dan MUDA, maka pihak Kerajaan telah pun membatalkan tanaman padi dua musim. Ini melibatkan keseluruhan kawasan MUDA dan jumlah kerugian yang dialami oleh

pihak petani ialah sebanyak \$172.9 juta. Pada tahun 1979, oleh sebab serangan bena perang melibatkan 4,000 hektar dan kemerosotan hasil dalam kawasan-kawasan yang berkenaan melibatkan juga jumlah kemerosotan hasil sebanyak \$3.76 juta. Pada tahun 1982, serangan makhluk perosak dan masalah rumput-rumpai menjejaskan penanaman padi keseluruhan kawasan MUDA dan dengan ini juga petani-petani mengalami kemerosotan hasil sebanyak \$60.9 juta. Begitulah juga di tahun-tahun yang berikut: pada tahun 1983, kemerosotan hasil sebanyak \$136.9 juta; tahun 1984—\$60.9 juta dan tahun 1987—\$91.3 juta.

Kepada petani-petani sudah tentu ini satu angka yang besar. Mereka tidak ada sumber-sumber yang lain untuk menampung pendapatan mereka di masa mereka menghadapi bencana dan pada masa ini Kerajaan hanya memberi atau membekalkan benih-benih sahaja dan kemudahan-kemudahan lain untuk mereka dapat menanam semula di kawasan-kawasan yang terlibat. Tetapi dari segi kehilangan hasil atau kemerosotan hasil, maka tidak ada satu-satu skim atau mana-mana badan yang boleh membayar ganti rugi kepada petani-petani yang terlibat.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mencadangkan supaya skim ini dapat dijalankan untuk menyelamatkan petani-petani yang menghadapi kemerosotan hasil ataupun kehilangan hasil dalam masa mereka menghadapi bencana. Dengan demikian, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat berucap, saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memendekkan ucapan masing-masing oleh kerana kita telah memakan masa.

Berapa minit Yang Berhormat?

Dr Goh Cheng Teik: Lima minit.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan.

5.27 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, mukasurat 93, Maksud Pembangunan 19, Butiran 17600—Rancangan-rancangan Menternak Ayam. Saya menyokong kuat peruntukan yang dipohon di bawah butiran ini.

Sekiranya keadaan kewangan mengizinkan, Kerajaan patut menaikkan jumlah ini pada tahun-tahun yang akan datang. Sebagai Wakil Rakyat selama 15 tahun bagi satu daerah yang mengeluarkan paling banyak ayam di Malaya Utara iaitu Nibong Tebal, saya mengetahui dengan mendalam usaha-usaha yang dijalankan dan rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Haiwan untuk meninggikan mutu pengeluaran ayam. Penternak-penternak ayam sendiri mengakui bahawa kakitangan Jabatan Haiwan bekerja dengan cukup dedikasi dua tiga dekad kebelakangan ini untuk kemajuan industri ini.

Mengikut pakar-pakar ayam antarabangsa, ayam Malaysia telah mencapai taraf setanding dengan taraf ayam Amerika Syarikat atau Eropah. Jadi penternak-penternak ayam di negara ini patutlah senang hati. Malangnya mereka tidak senang hati, mereka susah hati, mereka sakit hati, bukan dengan Jabatan Haiwan tetapi dengan sebuah syarikat asing daripada sebuah negara jiran.

Tuan Pengerusi, saya telah diminta oleh penternak-penternak ayam di Nibong Tebal dan beberapa tempat yang lain menyuarakan protes mereka terhadap strategi dan taktik syarikat asing ini. Oleh kerana ibu syarikat ini di negara asalnya adalah syarikat ayam yang paling kuat dan kaya di Asia Tenggara, ia mampu rugi di Malaysia. Ia mampu rugi bukan sahaja satu tahun, dua tahun, tiga tahun tetapi ia mampu rugi sehingga penternak-penternak tempatan menyerahkan kepada dia dan terima kontrol dan dominasinya. Syarikat ini telah aktif di sini beberapa tahun sahaja tetapi ia telah berjaya menguasai sebahagian pasaran ayam tanahair kita. Penternak-penternak ayam Malaysia bimbang syarikat asing ini akan memonopoli pasaran tempatan 3 atau

5 tahun dari sekarang sekiranya Kerajaan Malaysia tidak melindungi mereka daripada persaingan tidak adil ini dengan segera. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya menyasiat kegiatan syarikat asing ini. Penternak-penternak ayam tempatan tidak takut bersaing secara adil. Dari segi kualiti, dari segi kos mereka tidak kalah kepada syarikat ini. Cuma mereka tidak boleh melawan dengan satu syarikat besar yang boleh tahan rugi bertahun-tahun.

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak tanya apakah nama syarikat asing tersebut?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu sama ada saya patut sebutkan nama ini tetapi orang dalam perniagaan ayam ini memang kenal syarikat ini. Sekiranya penternak-penternak ayam tempatan yang telah dibimbing dan dilatih begitu lama oleh kakitangan Jabatan Haiwan jatuh, segala perbelanjaan dan pengorbanan Jabatan Haiwan dan Kementerian Pertanian selama ini akan sia-sia sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

5.34 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, mula-mula mengenai Bank Pertanian.

Saya puji usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Bank Pertanian ketika memberi pinjaman kepada petani, nelayan dan sebagainya dan perundingan telah pun dibuat dengan pihak Bank Pertanian agar pinjaman kepada pengusaha-pengusaha bot laut dalam itu dipertingkatkan daripada \$300 ribu sehingga kepada angka yang munasabah. Berdasarkan perkembangan serta tuntutan semasa oleh para nelayan di seluruh negara, jadi saya merayu lagi sekali supaya pinjaman itu dapat ditingkatkan daripada

\$300 ribu sekurang-kurangnya kepada \$¹/₂ juta kerana hari ini untuk melaksanakan satu bot laut dalam yang 70 gross tan ia memerlukan tidak kurang daripada \$300 ribu, belum lagi termasuk peralatan-peralatan moden seperti echo sounder, fish finder, radar dan seumpamanya. Jadi, perkembangan ini mintalah kesediaan bank, saya anggap sebagai satu kesediaan yang telah lama dan perlu ditingkatkan lagi perkembangan yang baru iaitu meningkatkan pinjamannya.

Kedua, saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pertanian kerana mengadakan projek Taman Pertanian Malaysia iaitu Taman Pertanian Bukit Cerakah. Saya harapkan akan menjadi satu impian yang nyata dan usaha-usaha ini perlulah diberi sokongan oleh semua pihak dan kita mengharapkan taman ini juga menjadi satu model tempat merujuk dan juga tempat melihat segala aksi bentuk pertanian di dalam negara ini.

Merujuk kepada halaman 91, iaitu Butiran 14800 mengenai dengan Mengorek Kuala-kuala Sungai dan Mencegah Hakisan Pantai.

Ini satu perkara setiap tahun saya tanya, soal, tanya tetapi nampaknya tidak berubah juga. Boleh dikatakan perkara ini satu perkara yang begitu sensitif. Sejak saya menjadi Pengerusi Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia, perkara ini makinlah jelas, makin ketara dan saya tidak tahan mendengar sungutan-sungutan, rayuan-rayuan dan keperitan hidup nelayan apabila memasuki kuala-kuala sungai ternyata kapal-kapal, bot-bot mereka terkandas akibat daripada kecetekan kuala-kuala sungai. Sudah sampai masa dan ketikanya Kementerian memberi kapal-kapal koreknya sendiri.

Yang saya tahu tidak ada kapal korek. Kementerian Pengangkutan ada 2 atau 3 kapal korek, itupun rosak, baik dan rosak, baik tetapi banyak rosak. Jadi, eloklah kita punya sendiri. Kuala tidak mahu beli kapal korek pun sekurang-kurangnya di semua kuala-kuala sungai itu ditempatkan enjin-enjin korek ataupun jentera-jentera pengorek yang tidak dialih-alihkan tetapi

dikekalkan di muka kuala-kuala itu. Ini memandangkan Malaysia sekarang telah pun mempunyai kira-kira 400 buah bot laut dalam yang saya kira begitu sukar untuk memasuki kuala-kuala sungai. Antara sungai-sungai yang sukar ialah sungai di Besut, sungai di Marang, sungai di Dungun, sungai di Kemanan, sungai di Sungai Besar, Sungai Mersing, Sungai Endau dan juga boleh dikatakan hampir keseluruhan sungai-sungai yang lain, termasuklah juga sungai-sungai di Pantai Barat.

Sungutan demi sungutan, rayuan demi rayuan, surat demi surat, saya kira perlulah kita sensitif kepada soal-soal ini kerana soal-soal ini akan melibatkan nafkah pencarian kehidupan nelayan di seluruh negara.

Begitu juga saya ingin menyentuh projek Pembersihan Pantai di tempat pelancongan. Ini satu usaha yang patut sekali diberikan penghargaan tetapi saya kira dengan mewujudkan tong-tong sampah sahaja tidak mencukupi kerana kita lihat pantai-pantai kita ini memang cantik, indah, putih, bersih, melambai-lambai tiupan angin, nyior dan sebagainya. Pantai yang memutih, batu yang cantik tetapi kalau sekiranya ditubuhkan satu Jabatan ataupun satu Lembaga Pembersih Pantai dengan diberikan pekerja-pekerja yang sesuai, Pengarah yang sesuai, saya kira usaha untuk membersihkan pantai akan menjadi kenyataan dan impian.

Saya juga ingin menyentuh tentang halaman 93, mengenai Rancangan Menternak Lembu/Kerbau.

Rancangan ini telah pun lama dijalankan, saya ingat lebih daripada 15 tahun dan kebanyakan para petani diberikan seekor lembu, 2 ekor lembu, ataupun seekor kerbau, 2 ekor kerbau. Usaha ini bagi saya sekadar cukup kais pagi makan pagi, sekadar cukup untuk dinyatakan bahawa petani, penternak telah diberikan bantuan subsidi oleh Kerajaan. Tetapi dari segi ekonomiknya, dari segi viablenya ia tidak ke mana kerana kita bela lembu setahun, kita bela kerbau setahun, ia tidak lebih daripada hanya untuk mengatakan petani itu ada kerbau, ada lembu. Tetapi untuk menjadikan mereka itu meningkatkan taraf saya rasa

dengan ada lembu, kerbau seekor dua itu menyusahkan. Jadi, eloklah supaya diberikan dalam bentuk yang lebih banyak—5 ekorkah, 10 ekorkah dan ini adalah lebih ekonomik dan sifatnya lebih menyeluruh. Kita mahu masa kita membasmi kemiskinan, masa kita mencapai Dasar Ekonomi Baru ini, pemikiran, cara, tindakan petani, penternak itu berubah. Tidak lagi bergantung kepada subsidi lembu pawah. Beri ibu, keluar anak, beri ibu ambil anak. Ini saya rasa cukup tradisional sifatnya.

Apa salahnya beri 10 ekorkah ataupun 20 ekorkah. Dan apabila kita membuat kajian ada orang kata, "Ah, apalah hendak bagi 10 atau 5 ekor sedangkan tanah tidak ada". Tetapi ingin dinyatakan bahawa ramai petani-petani yang mempunyai tanah yang besar, tanah yang luas, mempunyai kemampuan, mempunyai macam-macam. Tetapi tidak mempunyai harapan untuk melebihi lembu ataupun kerbau pawah mereka. Juga saya perlu nyatakan bahawa dalam soal memternak lembu dan kerbau ini, latihan perlulah diberikan. Sekarang ini kita terlalu biarkan petani-petani dan juga kepada penternak-penternak mengendalikannya sendiri.

Saya juga ingin menyentuh tentang butiran Pusat Menternak Haiwan Pantai Timur, halaman 94, Butiran 18700. Saya tidak tahu sejauh mana fungsinya pusat penternak haiwan Pantai Timur ini tetapi saya juga lihat jumlah anggaran harga projek itu daripada tahun demi tahun telah kurus, telah menjadi kecil. Saya kira peruntukan ini perlu dipertingkatkan dan kita perlu sensitif serta peka kepada penternak-penternak di negeri Pantai Timur kerana kebanyakannya orang-orang yang terdiri daripada orang luar bandar. Pendapatan mereka kurang daripada \$175 sebulan. Ini kita boleh gulungkan sebagai manusia ataupun orang-orang yang terletak dalam kategori miskin. Jadi, Pusat Penternak Haiwan Pantai Timur ini perlulah digiatkan. Antara perkara yang saya hendak cadangkan pertamanya iaitu membanyakkan benih-benih ataupun baka-baka haiwan, termasuklah benih-benih ayam, itik, angsa, amab dan yang baru ini yamyuh, dan juga

puyam. Jadi, dua binatang baru ini susah orang hendak dapatkan dia punya benih, susah orang hendak dapatkan dia punya baka. Jadi kalau dapat dihidupkan, saya kira Pusat Menternak Haiwan Pantai Timur ini akan memberikan sumbangan yang bukan sedikit terhadap negeri Kelantan, Terengganu dan juga Pahang.

Satu lagi, saya puji pihak Kementerian Pertanian kerana mempunyai hasrat untuk menjadikan binatang amab sebagai satu ternakan yang baru, dan boleh menghasilkan pendapatan yang istimewa kepada petani dan juga negara. Oleh itu saya mengesyorkan supaya dalam skim memperkenalkan ternakan amab ini kepada nelayan ia diberi dalam bentuk subsidi yang besar, dan pemberian yang agak lumayan. Selain dari segi pemberian ayam yang sedikit, dalam kadar 1,000 ekor sahaja seorang, kambing dalam 50 ekor dan juga biri-biri dalam 50 ekor, untuk satu orang. Jadi ini terlalu kecil sangat-sangat, saya ingat cukup untuk disembelih dan juga cukup untuk dikatakan mempunyai benda-benda macam itu, tetapi dari segi ekonomiknya tidak berapa ekonomik dan perlu dibuatkan satu pengkajian yang baru.

Saya juga ingin menyentuh tentang perkembangan kawasan-kawasan padangragut, dan juga pengeluaran makanan ternakan. Hari ini padangragut ternyata boleh dibangunkan dengan banyak di negeri-negeri kita, tetapi ternyata juga padangragut yang ada sedikit, kalau macam di negeri saya Terengganu itu, saya lihat padangragut yang ada hanya di Besut sahaja. Di negeri-negeri lain saya nampak yang ada banyak sedikit di Johor, sedangkan kita mempunyai banyak hutan rimba "secondary forest" dan juga tempat-tempat yang terbiar dan sebagainya. Apa salahnya kiranya tempat-tempat ini diintegrasikan, dibesarkan, dikembangkan menjadi padangragut yang boleh melahirkan, menempatkan banyak ternakan.

Kita mempunyai masalah petani-petani di negara ini kerana mereka mempunyai haiwan, mempunyai kambing, biri-biri, lembu dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama mereka tidak mempunyai

padangragut bagi ternakan-ternakan mereka makan rumput. Jadi adalah patut kita kenal-pasti, melaksanakannya supaya di setiap daerah yang mempunyai petani, penternak yang rata-ratanya penduduk-penduduk luar bandar ini terkenal dalam tradisi memelihara ini diberikan padangragut. Bagi saya padangragut ini walaupun begitu asing kepada petani-petani di Malaysia, tetapi sudah menjadi amalan hidup cara menternak kepada petani-petani, penternak-penternak di negeri-negeri yang maju seperti Australia, New Zealand, Amerika dan juga negeri-negeri yang lain.

Masalah yang petani hadapi iaitu mereka mempunyai keupayaan untuk menternak, memelihara dan juga rajin untuk bekerja, tetapi mereka tidak mempunyai tanah. Jadi kalau sekiranya tanah-tanah itu diambilkira kemudian dijadikan padangragut, saya kira merupakan satu usaha yang baik dan merupakan satu langkah untuk membasmi kemiskinan.

Menyentuh tentang pengeluaran makanan ternakan, kita pada hari ini mendapati bahawa pengeluaran makanan ternakan ini kurang memuaskan, kurang bermutu dan masih lagi kita import daripada negara-negara luar, sedangkan banyak bahan-bahan sisa seperti makanan hampas, ikan dan seumpamanya boleh kita jadikan sebagai bahan pengeluaran yang boleh dibanggakan. Jadi usaha-usaha ke arah pendidikan dan peruntukan hampir-hampir \$1 juta itu, patut kita mulakan dan patut kita perkenalkan sekurang-kurangnya kalau kita tidak beri pada pihak swasta, pihak Kerajaan, pihak Kementerian Pertanian boleh membahagi serta memberikannya kepada agensi-agensi di bawah tanggungjawabnya.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 19600—Rancangan Pembiakan dan Pembakaan. Ini kita juga perlu adakan dan perlu giatkan kerana kita dapati lembu-lembu, kemudian kerbau-kerbau yang ada ini bukan sahaja kurus, tetapi tidak bermaya dan dagingnya tidak selesa, tidak baik, tidak seperti ayam daripada Nibong Tebal. Jadi kita lihat Rancangan Pembiakan dan Pembakaan merupakan satu perkara yang terpenting dalam usaha kita memberikan

baka-baka, lembu-lembu ataupun kerbau-kerbau kepada para petani dan juga penternak.

Saya tidak mahu kita memberikannya dalam hanya sekadar untuk memberi serta mengadakannya tanpa kita melihat kualiti. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap kualiti merupakan teras kejayaan, kita juga mahu terapkan kualiti binatang ini, kualiti baka ini sebagai asas bagi menjadikan petani-petani mempunyai kehidupan yang baik, hasil daripada pembakaan yang baik dan juga membanggakan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.45 ptg.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk muka surat 93, di bawah Maksud Pembangunan P.19, Butiran 17500—Rancangan Menternak Lembu/Kerbau, Butiran 17900—Rancangan-rancangan Menternak Kambing/Kambing Biri-biri dan juga Butiran 18500—Pembinaan dan Membesarkan Institut-institut Penyelidikan Haiwan dan Projek Penyelidikan Ayam (ASEAN) sekaligus.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya ingin memberi pujian yang tinggi kepada Jabatan Haiwan khususnya Pusat Penyelidikan Ayam di Ipoh, dan lain-lain lagi pusat di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kerana sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya dari Nibong Tebal tadi, mutu penyelidikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Haiwan adalah cukup tinggi, malah vaksin-vaksin dan hasil-hasil penyelidikan ayam dan juga babi dari negara kita diakui seluruh dunia. Dan vaksin-vaksin yang dikeluarkan oleh VRI (Pusat Penyelidikan Haiwan) adalah yang paling baik di rantau sebelah sini, iaitu di Timur jauh dan di Asia Tenggara.

Saya dapat tahu bahawa Hong Kong hanya mahu mengimport vaksin-vaksin dari negara kita sahaja, dari lain-lain negara dia tidak mahu malah vaksin-vaksin yang

diimport dari negara kita telah dieksport balik oleh Hong Kong ke negara Republik Rakyat China.

Syabas saya mengucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Di dalam hal ini juga saya ingin menyentuh masalah yang dihadapi oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan sekarang ini untuk mencukupkan bekalan daging lembu, kerbau dan juga daging kambing. Masalah yang dihadapi oleh Jabatan Haiwan ini disebabkan oleh dua faktor:

Faktor yang pertama, ialah tidak cukupnya bilangan atau population haiwan-haiwan ini iaitu kerbau, lembu, kambing dan bilangan ataupun population yang kecil, tidak membenarkan pembiakan yang pesat, pembiakan yang diminta oleh Yang Berhormat dari Marang tadi, tidak boleh dilakukan seandainya base population ataupun bilangan asas haiwan tidak cukup.

Faktor yang kedua yang menyebabkan ketidakcukupan ini ialah tidak ada satu tempat yang sesuai dan yang luas untuk binatang-binatang ternakan iaitu stok-stok dari luar yang diimport secara besar-besaran untuk dikorintin, kerana binatang-binatang yang dari luar ini kalau hendak diimport perlu dikorintin dahulu dan Pusat-pusat Korintin yang ada sekarang ini tidak mencukupi untuk mengimport misalnya sekali import 10,000 ekor binatang-binatang ini.

Tuan Pengerusi, apa yang diperlu untuk mengatasi dua faktor yang saya sebut tadi, iaitu untuk mencukupkan bekalan daging lembu, daging kerbau dan daging kambing, ialah dengan mewujudkan satu tempat yang luas untuk beratus ribu ternakan dibawa masuk dari luar, iaitu dari negara-negara yang mengeluarkan baka-baka yang baik dan dikorintin sekaligus. Tempat yang paling sesuai Tuan Pengerusi, ialah sebuah pulau yang mempunyai tanah dataran yang agak luas untuk menjadi satu tempat kemasukan stok dan juga diwujudkan kerja-kerja korintin sekaligus. Kita ada mempunyai banyak pulau, misalnya di dalam gugusan Langkawi, banyak pulau yang tidak diduduki, dan satu daripada pulau yang sesuai diambil dan sebanyak 10,000 ekor

lembu atau 10,000 kambing boleh ditempatkan di pulau itu, selama masa yang dikehendaki untuk tujuan kerja korintin. Dan dari pulau ini satu siri pengambilan yang bersambungan boleh dibuat untuk usaha ternakan dan di tanah besar baik di Semenanjung Malaysia mahupun di Sabah dan Sarawak.

Dengan cara ini, Tuan Pengerusi, pembiakan binatang-binatang ini di negara kita boleh berjalan dengan lancar dan akan cukuplah bekalan daging lembu dan daging kerbau serta juga daging kambing. Justru itu tidak perlu kita mengimport sebanyak mana yang kita import pada masa sekarang iaitu import daging-daging yang bermutu rendah dari India.

Tuan Pengerusi, dengan cadangan saya ini kita tentu sekali akan dapat menyumbangkan kepada pengurangan bil makanan yang pada masa ini masih lagi pada tahap \$3,000 juta setahun.

Saya merujuk pula kepada muka surat 90 iaitu Butiran 07400 Rancangan Taliair dan Parit Negeri Kedah.

Tuan Pengerusi, pada masa dahulu ada satu rancangan taliair kecil untuk kawasan di luar MADA. Apabila MADA diwujudkan, ramai petani-petani terkeluar dari kawasan yang digezetkan oleh MADA tertinggal. Mereka tinggal di pinggir-pinggir kawasan MADA dan apa pembangunan yang diberi kepada kawasan MADA, petani-petani ini dapat nampak kerana pembangunan ini hanya di seberang sungai besar (main canal) MADA. Misalnya, kawasan-kawasan ini adalah di kawasan Kubang Pasu, di Padang Terap dan juga di kawasan Pendang. Pada masa itu Bank Dunia telah diminta untuk membiayai Rancangan Taliair Kecil yang dipanggil Small Scale Irrigation Scheme. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, rancangan ini saya difahamkan telah di "mothball" kan ataupun telah disimpankan kerana pihak MADA telah membantah sebab airnya tidak cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun telah saya bawa ke satu kawasan itu dan alasan yang diberi ialah MADA tidak membenarkan airnya diambil dari Southern Main Canal.

Tuan Pengerusi, rancangan ini pertama sekali difikir feasible dan tidak mengacau bekalan air MADA apabila Rancangan Muda II dijalankan untuk menyelamatkan lebih kurang 25% daripada air yang dikeluarkan. Malangnya, Rancangan Muda II yang dikatakan dapat menyelamatkan 25% tidak berjaya 100% kerana didapati masih lagi tidak cukup, walaupun beratus juta ringgit dicurahkan kepada MADA, masih lagi air dikawal oleh MADA dan orang luar MADA tidak boleh pakai. Maka tinggalah petani-petani di pinggir MADA melihat sahaja air di tepi tangga mereka dan menanti janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan kepada mereka di bawah Rancangan Skim Taliair Kecil yang kononnya akan dibiayai oleh Bank Dunia. Tetapi, Tuan Pengerusi, pada masa ini masalah kekurangan air dari punca MADA sudah tiada lagi kerana Ampangan Aning yang dibina 3 tahun dahulu telah pun siap dan telah pun airnya hampir penuh. Ampangan Aning ini boleh membekalkan air sebanyak sekurang-kurangnya 60,000 ekar kaki. Alasan MADA yang mengatakan bahawa airnya telah banyak diambil untuk air minum oleh Jabatan Kerja Air sudah tidak ada lagi dengan wujudnya Ampangan Aning ini yang dibina oleh Jabatan Kerja Air dan diserahkan kepada MADA untuk mengendalikannya.

Saya menyeru kepada MADA dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementerian supaya tidak lagi mementingkan MADA sahaja kerana demonstration effects, dengan izin, Tuan Pengerusi, yang diberi oleh MADA selama 15 tahun ini telah meningkatkan harapan petani-petani miskin yang berada di pinggir MADA dan sampailah masanya untuk MADA membolehkan airnya di Southern dan di Northern Main Canal, dengan izin, diambil untuk mengairi kawasan-kawasan seperti di Nawa, di Budi, di Jabi iaitu di dalam daerah Kota Setar dan kawasan Bata di daerah Kubang Pasu. Saya menyeru supaya perkara ini diambil lebih serius oleh Kementerian kerana perkara ini adalah satu perkara yang akan membawa masalah kepada rakyat khususnya yang mana rakyat melihat sumber air lalu di depan

tangganya tetapi dia tidak dapat manfaat setitik pun dari sumber air ini.

Akhir sekali, Tun Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 84 di bawah peruntukan Bekalan B.19 Butiran 100000 iaitu di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang.

Tuan Pengerusi, Lembaga Pertubuhan Peladang adalah satu Lembaga yang penting, satu Lembaga yang ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, masalah pembabitan petani di dalam sistem ekonomi negara, di dalam sistem politik negara dan masalah membawa mereka masuk daripada pinggir sistem negara ini. Tetapi malangnya pada masa ini Lembaga ini tidak diberi pandangan ataupun tidak diberi penghargaan yang tinggi. Saya dapat tahu bahawa Lembaga ini masih lagi dianggotai secara tidak cukup anggota dan juga ganjaran yang diberi kepada pegawai-pegawainya adalah tidak setimpal dengan tanggungjawabnya. Misalannya, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang hanya diberi peringkat Tingkatan Tertinggi D, dibandingkan dengan Ketua Pengarah daripada LPN yang diberi peringkat Tingkatan Tertinggi B. Pada saya, tanggungjawab dan pentingnya di antara kedua-dua agensi ini saya fikir dari segi pembangunan negara, dari segi kepentingan politik negara yang mana petani-petani merupakan satu kumpulan yang kuat, satu kumpulan yang diharapkan menjadi asas kepada pembangunan negara seluruhnya, maka Pertubuhan Peladang yang diberi mandat menjaga mereka perlu diberi penghargaan yang tinggi. Saya menyeru supaya disemak semula skim-skim gaji di dalam Lembaga Pertubuhan Peladang supaya dapatlah Lembaga ini dianggotai oleh orang-orang yang berkemampuan dan boleh bekerja untuk kepentingan petani dan seterusnya kepentingan negara.

Mengenai dengan Lembaga Pertubuhan Peladang juga, saya ingin menyeru supaya sistem memberi kredit kepada petani-petani kecil yang ada pada masa ini perlu diberi balik kepada Pertubuhan Peladang Kawasan dan bukan Pertubuhan Peladang Kawasan yang hanya menjadi sebagai

posmen sahaja yang pada masa ini wang itu adalah wang Bank Pertanian yang disalurkan melalui PPK dan oleh sebab Bank Pertanian tidak memahami masalah-masalah tempatan, misalannya masalah-masalah penanaman padi, banyak berlaku kepincangan di dalam pemberian ini kerana, misalannya, Bank Pertanian tidak faham bahawa setengah daripada bahan-bahan input pertanian itu perlu diaplikasikan kepada sesuatu masa tertentu, maka proses pemberiannya dilengahkan.

Misalannya, Tuan Pengerusi, baja urea. Baja urea perlu diberi di masa selepas menanam, dua minggu selepas mengubah iaitu di masa pokok padi itu sedang tumbuh, sedang memberanak. Tetapi di dalam proses yang ada sekarang yang mana Bank Pertanian menentukan masa pemberian, diberi selepas ataupun di mana padi itu hendak membuah. Jadi, ini bukan sahaja tidak memberi manfaat kepada padi itu tetapi merugikan petani, kalau baja urea dibubuh pada masa itu akan merosakkan buah. Inilah yang selalu dikomplen oleh petani-petani dan saya harap pihak Kementerian menyusun semula ataupun memberi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan, kredit yang dikelolakan sendiri oleh Lembaga Pertubuhan Peladang supaya tidak jadi kepincangan ini dan supaya peladang-peladang boleh membayar balik hutang-hutang mereka kepada Bank Pertanian dan tidak perlu Bank Pertanian menunjuk akaun iaitu akaun akaun terima atau receivable account yang buruk hasil daripada pembayaran yang buruk oleh petani-petani.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya Jemput Yang Berhormat dari Kepong. Berapa lamanya agaknya Yang Berhormat. Kita sudah lewat masa.

Dr Tan Seng Giaw: Apa dia?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Berapa lama agaknya ucapan Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Lebih kurang setengah jam.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak dapat, saya beri 10 minit sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: 10 minit sahaja! Tidak apalah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Selepas itu Timbalan Menteri yang berkenaan akan menjawab.

6.10 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mukasurat 83, Butiran 010000—Pentadbiran Am, Aktiviti 010100—Urusetia dan Perkhidmatan Am.

Di bawah butiran ini emolumen yang dibayar kepada 657 orang kakitangan nampaknya berkurangan dengan hebat sekali iaitu hanya 28.8% dari anggaran peruntukan bagi tahun 1989. Ini amat mustahil sekali. Apakah sandiwara yang sedang ditayangkan oleh pihak Kementerian Pertanian. Dua fakta yang menyokong dakwaan saya bahawa sandiwara sedang ditayangkan ialah; pertama, secara kasarnya bilangan kakitangan di bawah aktiviti ini ialah 2 setengah kali lebih besar daripada bilangan kakitangan di bawah aktiviti Kod 010200—Perancangan dan Pembangunan. Tetapi peruntukan emolumen aktiviti yang pertama hanya sekadar 1.25 lebih tinggi daripada yang kedua.

Mengikut Kertas Perintah 29 Tahun 1989, Jilid I dan tanpa mengambil kira Pejabat Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen—kod 010100 mempunyai 69 kakitangan kategori A dan 47 kakitangan kategori B berbanding dengan Kod 010200 yang mempunyai 31 orang kategori A dan 15 orang Kategori B. Bagi kedua Kategori C dan D pula Kod 010100 mempunyai 517 orang, sedangkan Kod 010200 mempunyai 214 orang. Ianya amat sukar untuk mempercayai bahawa produktiviti di bawah Urusetia dan Perkhidmatan Am sebegini mengkagumkan sekali dari segi perbelanjaan emolumen berbanding dengan jumlah tenaga kerja yang dibiayai.

Kedua, penyata lengkap perbelanjaan mengurus bagi akaun awam tahun 1987,

Jadual C.2 (a), mukasurat 45 pula jelas menunjukkan bahawa pada tahun berkenaan perbelanjaan sebenar bagi emolumen ialah \$7,953,999.09 berbanding dengan peruntukan belanjawan sebanyak \$4,168,300.00. Ini bermakna perbelanjaan sebenar melebihi peruntukan belanjawan tahun berkenaan sebanyak 190.82% ataupun lebih belanja \$3,785,659.09. Sebaliknya emolumen sebenar bagi tahun 1987 di bawah Kod 010200 adalah kurang dibelanjakan daripada peruntukan asal yang berjumlah \$3,715,000.00 hanya 33.41% atau \$1,241,312.40 yang dibelanjakan, menghasilkan lebihan peruntukan sebanyak \$2,473,687.60.

Tuan Pengerusi, ini jelas menunjukkan Kertas-kertas Perintah yang dibekalkan di sini adalah menunjukkan urusan kewangan kurang tepat, sama ada Menteri yang berkenaan itu mempunyai bukti-bukti yang lebih baik untuk menunjukkan kecekapan, saya tidak tahulah. Saya minta Timbalan Menteri menjelaskan dengan terus terang sama ada ada penyelewengan yang berlaku dari segi kewangan.

Tuan Pengerusi, Unit Komputer. Kami menyedari bahawa aktiviti Kod 010100 juga termasuk satu unit komputer. Kami juga memahami bahawa pihak Jabatan Pertanian berhasrat memperolehi komputer baru untuk pejabat-pejabat di Semenanjung Malaysia. Komputer persendirian ini dilaporkan akan dilengkapi dengan sistem pengurusan asas data word processors, dengan izin, Tuan Pengerusi, Perancangan Projek dan Program Pengurusan. Berapa banyakkah wang yang diperuntukkan untuk pembelian ini. Difahamkan bahawa pembelian akan dibuat dalam dua batches, dengan izin, Tuan Pengerusi, dengan hantaran yang pertama dipasang pada tahun ini di pejabat-pejabat di Johor Bahru, Melaka, Seremban, Ipoh dan Butterworth dan kedua tahun hadapan untuk dipasang di Pusat-pusat Pembangunan Komoditi. Adakah perbelanjaan ini sudah pun diperuntukkan dalam belanjawan tahun 1990 ini? Di bawah Kod butiran apakah jumlah wang ini telah dimasukkan?

Perkara lain yang ingin saya kemukakan di sini ialah apakah pengesyoran yang boleh diberi oleh Kementerian yang komputer itu akan digunakan dengan sepenuhnya. Misalannya, Tuan Pengerusi, menurut laporan Ketua Audit Negara bagi tahun kewangan 1986, Jabatan Parit dan Taliair juga telah membeli sebuah komputer bagi workshop JPT Persekutuan pada 7hb Januari, 1985 untuk beberapa kegunaan termasuk sistem maklumat pengurusan, tetapi penggunaan komputer itu masih belum dapat membantu pihak pengurusan dalam bidang perancangan dan pengesanan kerja membaikpulih jentera dan kenderaan. Perbelanjaan seperti ini mesti dilakukan, Tuan Pengerusi, dan saya tidak mahu komputer-komputer dibeli itu seterusnya tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, Kod 010200, Perancangan dan Pembangunan, di bawah Kod ini terdapat satu Bahagian Pengesanan dan Penilaian. Unit ini ditubuhkan sejak bulan November, 1981 tetapi selama ini kami jarang sekali menerima laporan kemajuan, khasnya penilaian ke atas prestasi projek-projek IADP atau Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu, sama ada dari suratkhbar mahupun dari laporan Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, malah laporan berkenaan bagi tahun 1990 iaitu Kertas Perintah 28 tahun 1989 langsung tidak menyebut tentang aktiviti Bahagian Pengesanan dan Penilaian. Ini merupakan satu kelemahan. Setahu saya menurut Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun Kewangan 1984 Bahagian ini didakwa hanya mengesan kemajuan kewangan dan fizikal projek-projek IADP, sungguhpun satu garis panduan mengenai aturcata pengesanan dan penilaian disediakan. Malah laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima juga hanya memaparkan kemajuan fizikal dan kewangan sahaja. Akibat dari kesulitan memperolehi maklumat lebih-lebih lagi penilaian ke atas prestasi projek-projek IADP kita tidak tahu dengan pastinya sama ada projek-projek tersebut benar-benar telah berjaya

atau tidak mencapai pelbagai objektif yang disasarkan itu.

Tuan Pengerusi, objektif utama IADP ialah untuk membasmi kemiskinan kaum petani. Menurut data yang diperolehi daripada laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, Jadual 3.6, menerusi bahasa Inggeris, purata pendapatan bulanan pada dasarnya tidak berubah di antara tahun 1984 dengan tahun 1987 di Semenanjung Malaysia. Jika ditimbang pula penurunan dalam kuasa membeli mata wang ringgit kita maka purata ini bolehlah dikatakan telah menurun.

Kenyataan ini serba sedikit dibayangkan dalam angka bilangan rumahtangga yang miskin pada kedua-dua tahun tersebut iaitu dari 400,200 keluarga pada tahun 1984 kepada 403,200 keluarga dalam tahun 1987. Oleh itu, Tuan Pengerusi, kami berharap pihak Kementerian dapat memperbaiki prestasi bahagian berkenaan khususnya dari segi penilaian pencapaian projek serta mengemukakan laporan yang tepat pada masanya. Tidak adil, Tuan Pengerusi, kalau wang dipinta daripada Dewan Rakyat tetapi laporan tidak dikemukakan untuk menunjukkan prestasinya.

Tuan Pengerusi, Maksud 020000, muka-surat 83, Aktiviti 020100—Pertanian. Aktiviti ini menerima kesemuanya \$47.873 juta bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 1990. Pada tahun sebelumnya peruntukan dianggar sebanyak \$45.374 juta.

Tuan Pengerusi, sesungguhnya pun tambahan dalam Perbelanjaan Mengurus bukanlah besar iaitu kira-kira \$2.4 juta, kita ingin mengemukakan beberapa persoalan mengenai Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun kewangan 1984 beberapa pemerhatian yang dibuat ke atas program ini termasuk kegagalan pihak Kementerian Pertanian untuk menyediakan rancangan jangka panjang. Sehingga hari ini program IADP masih berupa pembangunan *in situ*, dengan izin, menurut Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima mukasurat 160 versi bahasa Inggeris. Mengapakah sasaran pihak

Ketua Audit Negara tidak diberi saranan pihak Ketua Audit Negara tidak diberi pertimbangan. Faktor lain ialah kekurangan maklumat asas. Masalah ini telah dikesan sejak tahun 1982 apabila Kementerian Pertanian, Bank Dunia dan Universiti Sains Malaysia telah membuat kajian ke atas keberkesanan strategi dan masa hadapan IADP. Keadaan ini masih kurang memuaskan kerana maklumat yang diberi misalnya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima adalah sama ada terlalu umum atau hanya untuk beberapa kawasan IADP sahaja.

Tuan Pengerusi, faktor ketiga yang ingin kami soalkan ialah sama ada Kerajaan telah memindah hakmilik tanah daripada tuan punya tanah kepada Kerajaan atau tidak. Menurut Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1984, sehingga akhir tahun 1983 sejumlah \$1.68 juta dan \$0.85 juta tidak dapat dibayar kepada tuan-tuan punya tanah di projek IADP di Johor Barat I dan Krian Sungai Manik sebagai pampasan untuk pengambilan balik tanah. Wang itu bukan sahaja disimpan di Pejabat Bendahari Negeri dan Pejabat Akauntan Negara, sepatutnya wang mesti disimpan di Mahkamah Tinggi tetapi rekod-rekod Pejabat Tanah juga menunjuk kebanyakan tanah yang diambil balik masih belum dipinda hakmilik mereka.

Tuan Pengerusi, saya berharap Timbalan Menteri dapat menjawab soalan-soalan ini seterusnya kita juga ingin tahu kos asal dan kos sebenar yang dibelanjakan bagi pelaksanaan setiap projek IADP. Difahamkan bahawa kos pelaksanaan meningkat 27% di IADP KADA, 61% di IADP Besut dan 66% di IADP Krian Sungai Manik disebabkan oleh kelewatan dalam menyiapkan projek. Akibat daripada pemerhatian Ketua Audit Negara pada tahun 1984 apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pertanian bagi mengesyorkan bahawa projek-projek seterusnya terlaksana tepat pada waktunya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya menjemput Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta maaf Yang Berhormat, masa kita sudah terlewat.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh Yang Berhormat. Kita sepatutnya menghabiskan dua Kementerian hari ini, ini satu pun belum habis lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: No, not three speakers to finish in one Ministry.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang ada hubungkait dengan Kementerian Pertanian sekejap tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian adalah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, Ahli Yang Berhormat dari Marang, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Menyentuh soal Skim Perlindungan insuran terhadap hasil pertanian yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah, sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan memang sedar tentang masalah yang dihadapi dan ditembungi oleh petani-petani di kawasan MADA dan juga di kawasan KADA khususnya di lokasi-lokasi yang terdedah kepada banjir dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Kementerian. Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah menyentuh soal syarikat asing mengancam perusahaan pemeliharaan penternakan ayam. Saya ingin mengucapkan terutama sekali ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menghargai tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Haiwan yang mana mengikut belia bekerja dengan begitu dedikasi dan gigih. Ini adalah sesuatu yang benar. Berhubung dengan syarikat asing yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, pihak Kementerian akan menyiasat kegiatan-kegiatan syarikat yang berkenaan sebelum tindakan yang sewajarnya diambil.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah nama syarikat tersebut yang pihak Kementerian akan menyiasat untuk menentukan apakah tingkah laku syarikat tersebut dalam hal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya menghormati Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal yang mana beliau sekejap tadi meminta untuk menyatakan nama syarikat itu. Dan beliau tidak menyatakan, maka saya pun tidak ingin menyatakan juga.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sebab-sebab kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu menyebutkan nama syarikat tersebut oleh kerana satu tuduhan yang telah dibuat dalam Dewan ini dan seharusnya Dewan hendaklah mengetahui apakah nama syarikat tersebut untuk kita memahami lebih dalam masalah yang dibangkitkan itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya telah nyatakan sekejap tadi, saya menghormati apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, oleh sebab itulah Yang Berhormat tunggulah penyiasatan kami terlebih dahulu dan selepas itu Yang Berhormat akan tahu apakah nama syarikat yang sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh soal pinjaman bot laut dalam supaya dipertingkatkan daripada \$300,000 ke tahap yang lebih tinggi. Sebenarnya, had pinjaman \$300,000 ini adalah terletak di bawah Skim SPKP iaitu satu Skim Pinjaman Khas kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu. Syarat-syarat pinjaman seperti jumlah pinjaman, tujuan dan lain-lain adalah ditetapkan. Kementerian Pertanian akan mengkaji cadangan Yang Berhormat itu dan satu perkara yang penting, yang perlu diambil perhatian ialah jikalau peminjam itu ataupun jikalau pinjaman itu adalah terlampau tinggi dan kosnya tinggi melambung nanti projek yang berkenaan akan berhadapan dengan suasana yang tidak berdaya maju ataupun boleh jadi bermasalah dari segi membayar balik. Dalam pada itu Bank Pertanian mempunyai Program Pinjaman Biasa dengan syarat-syarat biasa bagi pinjaman yang melebihi \$300,000.

Yang Berhormat dari Marang juga menyentuh soal kuala sungai yang cetek. Sebenarnya tanggungjawab untuk membersihkan, mengorek kuala sungai yang cetek ini adalah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Laut dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, sungai-sungai yang telah dikorek adalah seperti berikut:

Kuala Perlis

Kuala Terengganu

Kuala Besut

Kuala Kurung Tengah—Perlis

Kuala Muda

Kuala Sungai Acheh—Pulau Pinang;
dan

Kuala Sungai Changkat—Pulau Pinang.

Manakala yang sedang dikorek pada masa ini adalah:

Kuala Sungai Besar—Kelantan

Tumpat—Kelantan

Kuala Dungun dan Kuala Sungai

Bruas—Perak.

Sejumlah \$10.4 juta telah dibelanjakan di antara tahun 1986 sehingga 1988. Untuk tempoh baki Rancangan Malaysia Kelima,

\$9.4 juta akan dibelanjakan. Kerja-kerja yang dikendalikan adalah berasaskan keutamaan memandangkan banyaknya kualakuala sungai yang menghadapi masalah-masalah tersebut.

Yang Berhormat dari Marang juga menyentuh soal pembersihan pantai. Beliau mencadangkan supaya ditubuhkan atau diwujudkan sebuah badan pembersihan pantai. Jabatan Pengairan dan Saliran telah dipertanggungjawabkan untuk membersihkan kawasan pantai khususnya kawasan pelancongan. Untuk memulakan program ini, \$1 juta telah diperuntukan dalam tahun 1990.

Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan soal pemeliharaan arnab dan juga penternakan lembu, kambing dan lain-lain. Pihak Kementerian sebenarnya menggalakkan penternak-penternak supaya menternak dengan lebih gigih dan juga secara commercial dan langkah-langkah ke arah ini telah, sedang dan akan terus diambil.

Berhubung dengan arnab, suka saya mengambil peluang ini menyatakan bahawa Kerajaan sebagai asas menggalakkan penternakan arnab bukan sahaja bersetuju, malah bersedia untuk mengendalikan latihan kepada penternak-penternak arnab, malah latihan ini telah pun dimulakan dalam bulan Januari 1989 dan kami berharap sesiapa sahaja yang berminat bolehlah memohon untuk mengikuti rancangan ini.

Di samping itu, sebuah syarikat yang bergelar "Australian-Malaysia Livestock Farming" akan membina sebuah rumah sembelihan arnab di Sungai Buluh dan rumah sembelihan ini dijangka beroperasi pada bulan Jun 1990. Ini bermakna bahawa pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat dari segi pengeluaran daging dalam negara ini, muga-muga rakyat yang berada dalam negara ini dapat menikmati kelazatan daging sama ada daging lembu, kerbau, kambing, biri-biri ataupun arnab dan lain-lain haiwan yang dimakan oleh rakyat negara ini.

Yang Berhormat dari Padang Terap menyentuh mengenai pinjaman kepada petani padi. Sistem pinjaman kepada petani

padi adalah melalui PPK, ataupun Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Peladang Kawasan membekalkan input-input pertanian kepada peminjam-peminjam dan kelulusan pinjaman Bank Pertanian adalah di awal musim bagi jumlah keseluruhan yang diperlukan oleh peminjam manakala input-input pula dibekalkan oleh PBK apabila diperlukan.

Mengenai urea, Bank Pertanian tiada memberi pinjaman kepada peminjam kerana baja adalah sesuatu yang dihulur secara subsidi sepenuhnya.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan dua tiga perkara terutama sekali emolumen di bawah Urusetia di dalam Perkhidmatan Am. Anggaran 1990 berkurangan 25 peratus sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kepong itu berbanding dengan tahun 1989 adalah berpunca dari suasana yang mana pada tahun 1990 sebanyak \$10 juta adalah bagi penyelarasan gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertanian. Pada tahun 1990, tidak ada peruntukan bagi maksud berkenaan. Peruntukan yang disediakan adalah bagi gaji dan elaun pegawai-pegawai/kakitangan sahaja.

Berhubung dengan prestasi IADP yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya "mid term assessment" Rancangan Malaysia Kelima hanya menyebut prestasi beberapa IADP sahaja kerana projek-projek tersebut telah siap dan laporan lengkap telah disediakan. IADP-IADP lain masih lagi di peringkat pelaksanaan dan kesannya yang menyeluruh dari segi peningkatan pendapatan petani belum dapat diukur lagi.

Walau bagaimanapun, beberapa IADP lain pada masa ini sedang memuktamadkan kajian profilnya dan memuktamadkan kajian profile kemiskinan dan taraf hidup petani di kawasan-kawasan masing-masing . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.